# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# ENCIK MOHD SALIH BIN YAACOB
# PENYANYI, PELAKON, PELAWAK, PENGACARA, DAN PENYAMPAI RADIO

OLEH:

NUR FITRIAH BINTI ZULPAIDI (2019805256)

WAN NUR SYAHREEN BINTI WAN AHMAD ZAHARUDDEEN (2019208374)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OCT 2021 – FEB 2022)

## ISI KANDUNGAN


ABSTRAK....i

PENGHARGAAN....ii

SENARAI ABREVIASI....iii

SENARAI SINGKATAN....iv

RUJUKAN KATA....v

BIODATA PENEMU BUAL....vi

BIODATA TOKOH....vii

PENGENALAN....1

KAJIAN LITERATUR....2

- BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH....5
- BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG AHLI KELUARGA TOKOH....10
- BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH....12
- BAHAGIAN 4: LATAR BELAKANG PILIHAN KERJAYA TOKOH (UMUM)....16
- BAHAGIAN 5: LATAR BELAKANG PILIHAN KERJAYA TOKOH (KHUSUS)....27
- BAHAGIAN 6: SUMBANGAN TOKOH....58
- BAHAGIAN 7: NASIHAT TOKOH....61

LOG WAWANCARA....68

INDEKS....73

BIBLIOGRAFI....75

LAMPIRAN....78

- SURAT PERSETUJUAN....78
- SENARAI SOALAN....79
- DIARY KAJIAN....87
- LAMPIRAN GAMBAR....93

# ABSTRAK

**Abstrak:** Temubual ini adalah antara tokoh iaitu Tuan Salih Yaacob dan pelajar iaitu Nur Fitriah binti Zulpaidi dan Wan Nur Syahreen binti Wan Ahmad Zaharuddeen untuk subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Beliau merupakan Tokoh Seniman. Sejarah lisan adalah satu kaedah yang penting dalam merakam peristiwa lampau yang pernah ditempuhi oleh seseorang. Melalui sejarah lisan, rekod-rekod sejarah berkenaan sesuatu peristiwa dapat dilengkapkan kerana sebahagian maklumat masih tersimpan di dalam memori individu yang terlibat. Selain daripada itu, sejarah lisan dapat dijalankan melalui kaedah temubual. Tujuan temubual ini dijalankan adalah bagi mengetahui bagaimana perjalanan beliau dalam industri seni tanah air. Selain itu, objektif lain temubual ini dijalankan adalah untuk menilai kepentingan program dan pencapaian beliau dalam industri seni di kalangan rakyat Malaysia. Satu senarai soalan telah disediakan untuk ditanyakan kepada tokoh yang merangkumi beberapa bahagian termasuk latar belakang tokoh, kerjaya, pencapaian dan anugerah yang telah diperolehi oleh tokoh yang telah dipilih. Nasihat dan pandangan tokoh juga turut ditanyakan dalam soalan tersebut. Kajian sejarah lisan ini diharapkan dapat membantu orang lain mengenali dan mendalami dengan lebih lanjut warisan negara kita terutamanya bidang industri seni.

**Kata kunci:** sejarah lisan, industri seni, temubual, tokoh, warisan

**Abstract:** This interview was conducted between Tuan Salih Yaacob and students Nur Fitriah Binti Zulpaidi and Wan Nur Syahreen Binti Wan Ahmad Zaharuddeen for the subject IMR604, which is Documentation of Oral History. So, the figure is a Figure Artist. Oral history is an essential method of recording past events that a person has experienced. Through oral history, we can complete historical records of an event because some information is still stored in the individual's memory. Other than that, oral history can be conducted through the interview method. Hence, the purpose of this interview is to find out how his journey in the art industry of the country. In addition, another objective of this interview was to evaluate the importance of the program and its achievements in the art industry among Malaysians. A list of questions was prepared to be asked to the figure, which covered several sections, including the background of the figure, career, achievements, and awards that had been earned by the figure who had been selected. Therefore, the advice and views of the figures are also asked in the question. Last but not least, this study of oral history is expected to help others know and deepen further the heritage of our country, especially the field of the art industry.

**Keywords:** oral history, art industry, interviews, figures, heritage

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Allah S.W.T dan utusanNya, Nabi Muhammad S.A.W. kerana berkat-Nya. kami berjaya menyempurnakan tugasan bagi subjek "Oral Documentation (IMR604)" iaitu Projek Sejarah Lisan. Oleh itu, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah kami Puan Nor Kamariah Binti Chik atas sokongan dan bimbingannya. Bukan itu sahaja, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada tokoh yang kami temu bual kerana beliau sudi memberi kerjasama yang bagus kepada kami sepanjang proses tersebut dilakukan.

Kemudian, kami ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan kami dan tidak lupa juga ahli kumpulan kami yang telah banyak membantu dan memberi kami panduan untuk menyelesaikan tugasan ini. Tanpa sokongan mereka, tugasan ini hampir tidak dapat disiapkan.

Selain itu, kami juga berterima kasih kepada keluarga kami atas sokongan mereka dalam apa jua yang kami lakukan. Mereka juga banyak membantu kami seperti memberi pendapat atau idea untuk menjayakan tugasan ini.

Akhir kata, kami berharap semoga tugasan akan diterima. Kami telah menggunakan usaha dan penghargaan untuk mencari maklumat dan idea. Semoga usaha kami tidak sia-sia. Terima kasih.

# SENARAI ABREVIASI

- SPM : Sijil Pelajaran Malaysia
- SMK : Sekolah Menegah Kebangsaan
- UiTM : Universiti Teknologi Malaysia
- PKP : Perintah kawalan pergerakan
- RTM : Radio Televisyen Malaysia
- SOP : Standard Operation Procedure
- VIP : Very Important Person
- KL : Kuala Lumpur

# SENARAI SINGKATAN

- SY : Encik Mohd Salih bin Yaacob
- NF : Nur Fitriah binti Zupaidi
- WNS : Wan Nur Syahreen binti Wan Ahmad Zaharuddeen

## RUJUKAN KATA

- Nak : Hendak
- Tu : Itu
- Tak : Tidak
- Dulu : Dahulu
- Je : Sahaja
- Ni : Ini
- Dah : Sudah
- Tapi : Tetapi

# BIODATA PENEMU BUAL



**Nama**: Nur Fitriah binti Zulpaidi|

**Alamat**: Marang, Terengganu

**E-mel**: nrftrhh99@gmail.com

**Nombor telefon**:



**Nama**:Wan Nur Syahreen binti Wan Ahmad Zaharuddeen

**Alamat**: Melor, Kota Bharu, Kelantan

**E-mel**: syareena0202@gmail.com

**Nombor telefon**:

## BIODATA TOKOH



**Nama :** Mohd Salih Bin Yaacob

**Nama Panggilan :** SY

**Umur :** 60 tahun

**Tarikh Lahir :** 25 November 1961

**Alamat :** Sungai Besar, Selangor, Malaysia

**Kerjaya :** Penyanyi, pelakon, pelawak, pengacara, dan penyampai radio

**Pendidikan :**

- Sekolah Rendah di Sekolah Kebangsaan Sri Utama
- Sekolah Menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Bidena

# PENGENALAN

Kami telah diberi tugasan daripada pensyarah kami iaitu Puan Nor Kamariah binti Chik untuk membuat kajian dan mencari tokoh yang terlibat dengan seniman ataupun seni warisan. Oleh itu, kami memilih seniman kerana seniman di Malaysia ramai. Bukan itu sahaja, tugasan ini adalah wajib untuk kami laksanakan kerana ia merupakan tugasan bagi memenuhi skop projek untuk subjek Oral Documentation. Kami diberi pilihan sama ada ingin melakukan tugasan ini secara lisan mahupun online.

Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri. Maklumat yang diperolehi dari sesi temu bual tersebut dicatat dan kami menyemak serta menaip semula maklumat tersebut dalam bentuk transkrip kerana maklumat tersebut dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Oleh hal yang demikian, kami memilih Encik Salih bin Yaacob sebagai tokoh yang ingin ditemubual bagi membantu menjayakan tugasan kami ini. Beliau merupakan seorang tokoh seniman yang mempunyai pelbagai bakat yang tersendiri seperti lakonan, nyanyian, melawak, mengacara, dan juga menyampaikan radio. Bukan itu sahaja, beliau amat terkenal pada masa dahulu disebabkan oleh bakat beliau yang serba boleh dan mempunyai pengalaman selama 42 tahun. Beliau juga pernah mendapat pingat anugerah daripada kerabat diraja. Oleh itu, pengalaman yang dimiliki oleh beliau membuatkan kami teruja untuk menemubual beliau dan mendapatkan tips-tips untuk menjadi seorang tokoh yang disegani.

Oleh itu, tugasan ini amat memberi makna kepada kami kerana sejarah kehidupan dan pencapaian beliau dapat dijadikan inspirasi kepada semua orang, terutamanya kepada generasi yang akan datang agar lebih menghargai bidan industri tanah air.

# KAJIAN LITERATUR

Pentadbiran adalah budaya yang perlu diterapkan untuk mengekalkan motivasi seniman visual dalam menghasilkan karya seni. Hal ini demikian kerana tahap komitmen digabung dengan ketelitian pengurusan pekerjaan dan dapat mendorong meningkatan produktiviti kerja yang kreatif dalm industri. Hal ini secara tidak langsung akan membantu meningkatkan motivasi dan produktiviti mereka (Syed at.el, 2021).

Istilah komitmen kerja, kepuasan kerja dan produktiviti adalah perkara biasa dalam industri. Walaupun begitu, di Malaysia telah menetap syarat bahawa komitmen dalam pekerjaan industri seni adalah penting. Malah, ada juga segelintir besar seniman yang bekerja sendiri tanpa sokongan kewangan daripada penaung atau penaja. Pernyataan ini didasarkan pada penemuan kajian Syed Alwi (2016) dalam tesis PhDnya yang bertajuk "Pengaruh persekitaran terhadap proses menghasilkan karya di kalangan pengarca muda Malaysia". Komitmen pekerjaan yang tinggi adalah kunci untuk seniman yang berjaya.

Selain itu, menurut Kamal Yusoff (2012), berkarya merupakan kecekapan seniman visual yang paling penting. Ia dapat mengurus perubahan dan peralihan yang berterusan dengan lebih baik.untuk mencapai cita-cita. Setelah menceburkan diri dalam bidang ini, secara naluriah mereka berikrar untuk terus menyumbang bagi mencapai semua impian mereka sekaligus ia dapat membantu meningkatkan kemahiran dan meningkatkan produktiviti mereka.

Rancangan pengurusan yang menyeluruh dan menyeluruh dapat membantu seniman visual untuk meningkatkan produktiviti mereka. Ia menjelaskan mengapa seniman visual perlu terlibat secara serius dalam sistem pengurusan produksi seni visual. Apabila seniman visual terlibat secara langsung dalam urusan pengurusan, rasa kesungguhan akan perlahan-lahan berkembang ke arah proses penghasilan karya seni. Suryati & Ahmad (2012) menjelaskan

bahawa tahap komitmen yang lebih tinggi terhadap sesuatu tugas menghasilkan tahap kesungguhan kerja yang lebih tinggi.

Industri hiburan di Malaysia meliputi bidang aktiviti yang luas. Ianya termasuk aktiviti yang menggunakan intelektual, bakat seni, muzik, kemahiran fizikal atau kemahiran individu yang dipertontonkan atau dipersembahkan kepada penonton. Pertumbuhan industri hiburan telah dikaitkan secara langsung dengan pembangunan ekonomi moden dan peningkatan produktiviti ekonomi, walaupun anggaran tepat permintaan untuk masa lapang adalah tugas yang sukar. Selain itu, isu penting dalam pembangunan hiburan sebagai satu industri adalah peningkatan produktiviti pekerja, dan cara kemajuan teknikal telah meningkatkan produktiviti pekerja (Encyclopedia.com, 2018). Kemajuan dalam teknologi, selain mewujudkan permintaan untuk produk dan perkhidmatan hiburan, perkara ini juga telah membawa kepada penghasilan bentuk hiburan kontemporari yang dominan (Encyclopedia.com, 2018).

Seterusnya, penggiat seni dan dunia seni Tanah Air tidak lari dari dihujani dengan kritikan netizen. Namun, adakah kritikan tersebut akan dijadikan satu pembakar semangat atau bebanan kepada mereka? Ramai yang beranggapan bahawa kritikan adalah lebih terarah kepada sesuatu yang negatif iaitu sebagai usaha untuk mencari kelemahan sematasemata (Terry Barrett, 2000). Walhal, ianya adalah satu disiplin ilmu dimana kritikan seni boleh dipelajari secara logik dan sistematik bagi membantu mempertimbangkan seseorang dalam menghayati atau berbicara tentang seni (Mohamad Kamal, 2016). Justeru itu, kritikan seni ialah berkaitan dengan penilaian atau value judgement, iaitu ukurtara yang diguna pakai untuk menghakimi karya seni.

Kelebihan industri seni kepada penggiat seni semasa pandemik sudah pasti memberi sedikit penambahbaikkan dalam segala perkara. Menurut (Suhaimi Magi et al., 2020), pengguna kaedah digital melalui telefon pintar dan internet tanpa menggunakan kaedah bersemuka atau face to face telah menyebabkan setiap urusan sama ada pendidikan, pemasaran dan juga

transaksi jual beli dilakukan atas talian. Hal ini demikian kerana, kaedah tersebut boleh mempercepatkan serta memudahkan cara komunikasi dan pengurusan. Di samping itu, pertemuan atau mesyuarat sudah dibiasakan dengan pengunaan aplikasi Zoom atau Google Meet. Kedua-dua aplikasi dalam talian ini sudah semakin popular iaitu pihak pengurus bertemu tanpa berjumpa secara fizikal dengan pelanggan mereka.

Kemudian, menurut laporan berita Astro Awani (2021), industri hiburan pada masa kini sedang menghadapi masalah yang tinggi. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan industri hiburan negara yang sedia sakit semakin teruk selain keperitan hidup penggiat seni serta individu yang bekerja di belakang tabir. Hal ini demikian kerana, terdapat beberapa penggiat seni yang terpaksa berhenti bekerja kerana tidak mempunyai kewangan yang mencukupi. Menurut Epstein (2020), mereka yang terlibat dalam industri ini lebih terdedah dengan jangkitan virus COVID-19 kerana suasana dalam penghasilan filem dan produksi televisyen yang erat. Justeru itu, syarikat produksi dan penggiat seni dari pelbagai sektor didapati memiliki risiko yang tinggi untuk menyebarkan virus kerana wujudnya sentuhan secara fizikal ketika membuat persembahan atau berlakon untuk filem dan drama termasuk teater.

Melalui tinjauan literatur ini, banyak persoalan yang muncul dan menjadi tanda tanya. Hal ini telah menyebabkan penyelidik ingin mengetahui dengan lebih dalam berkaitan industri seni. Oleh hal yang demikian, pelbagai persoalan telah dinyatakan oleh sarjana-sarjana terdahulu yang boleh menukarkan sudut pandangan penyelidik terhadap industri seni di negara ini. Dengan itu, maklumat dan idea yang diperoleh dalam tinjauan literatur ini telah membantu dalam proses penghasilan soalan untuk sesi temubual bersama tokoh seniman itu sendiri.

## TRANSKRIP

Rakaman dan temubual ini berkisah tentang kehidupan, pengalaman, sumbangan, dan anugerah Encik Salih bin Yaacob sepanjang beliau terlibat dalam industri tanah air. Rakaman dan temubual ini telah dijalankan pada 27 November 2021 pada pukul 2.00 petang sehingga 3.30 petang. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Fitriah binti Zulpaidi dan Wan Nur Syahreen Binti Wan Ahmad Zaharuddeen. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

SY: Salih Yaacob
NF: Nur Fitriah
WNS: Wan Nur Syahreen

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

WNS : **Kami nak [hendak] tahu sedikit sebanyak pasal [tentang] uncle [Salih Yaacob] punya latar belakang diri seperti nama penuh, nama panggilan, tarikh lahir dan sebagainya.**

SY : Nama penuh uncle, Mohd Salih Bin Yaacob. Hari ni [ini] berapa hari bulan?

NF : Hari ini 27.

SY : Baru 2 hari lepas hari jadi yang ke-60.

NF : Happy belated birthday [selamat hari lahir yang terlewat], uncle [Salih Yaacob].

SY : Yang ke-60.

WNS : Happy belated birthday [selamat hari lahir yang terlewat], uncle [Salih Yaacob].

SY : Uncle [Salih Yaacob] yang ke-8. Uncle [Salih Yaacob] dibesarkan di kampung di Sungai Besar, disekolahkan di Sungai Besar, habis sekolah baru berpindah ke Kuala Lumpur untuk mencari nafkah. Nak [hendak] mencari rezeki lah [dialek] kan [tanda setuju]. Haa [tanda setuju] cari pengalaman, disitulah bermulanya berbagai-bagai kerja uncle [Salih Yaacob] dah buat, kerja kilang, kerja kapal, kerja macam-macam lah [dialek] sampai secara tak [tidak] langsung uncle tercebur dalam bidang seni ni [ini], dalam satu badan kesenian, penerangan masa tu [itu] . Pergi kepada _ _ _ tahun 1983 haa [tanda setuju] terlibat dalam kesenian juga walaupun diserapkan dalam tentera selama 3 tahun. Dengan pengalaman-pengalaman itu lah [dialek] orang mula mencari uncle [Salih Yaacob], orang yang memilih uncle [Salih Yaacob] dalam bidang seni suara, bidang nyanyian, tv dan sebagainya sebab masa itu tujuan uncle nak [hendak] cari kerja sahaja, nak [hendak] cari rezeki bukan nak glamour [hendak terkenal]. Kita pun tak [tidak] fikir kita sampai ke tahap itu, sebab itu uncle [Salih Yaacob] ini berbagai-bagai cawangan [kerja] yang uncle [Salih Yaacob] buat. Dalam seni suara, nyanyian, pengacara, pelakon, pelawak, penyampai radio, macam-macam lah [dialek]. Uncle [Salih Yaacob] upgradekan [naik taraf] satu sumber mana yang boleh dapat duit lah [dialek] kan [tanda setuju]. Jadi tu [itu] lah [dialek] kerjanya. Sekarang ni [ini] uncle [Salih Yaacob] 3 keluarga, anak 12 orang.

Sekarang hanya ada 3 isteri sahaja. Itulah penglibatan uncle [Salih Yaacob]. Uncle [Salih Yaacob] bermula tahun 1980 an, jadi disitulah tangga-tangga nak [hendak] menceburkan diri untuk orang kenal di seluruh Malaysia termasuk Sabah Sarawak dah [sudah] buat persembahan dalam kampung dan rata-rata masa tu [itu], jadi disitulah banyak pengalaman sehinggalah 3 tahun lepas uncle [Salih Yaacob] tamatkan karier dengan radio. Uncle [Salih Yaacob] jadi penyampai radio selama 13 tahun iaitu siaran Sinar FM. Pencen dah [sudah pencen]. Semua dah lalu dah [sudah lalui]. Sekarang rehat-rehat dah [sudah] lah [dialek]. Sekarang buat sikit-sikit saja [sahaja] lah [dialek]. Dah tak ada nak [sudah tidak mahu] cari glamour [terkenal] yang dulu dah habis dah [dahulu sudah habis], album pun dah habis dah [sudah habis], berlakon pun kurang sikit lah [dialek]. Buat persembahan semua tu [itu] dah tak dah [sudah tidak ada].

**WNS : Uncle [Salih Yaacob], adik beradik yang lain tu [itu] ada ke join [sertai] juga dalam industri seni selain uncle [Salih Yaacob]?**

SY : Tak ada [tiada]. Hanya ada sekarang _ _ _ _ _. Anak-anak tak ada [tidak ada] nampak bakat-bakat dekat situ [disitu], kuranglah. Uncle [Salih Yaacob] dulu [dahulu] pun bukan kerana bakat, uncle [Salih Yaacob] mencuba je [sahaja] sebab kita dulu [dahulu] zaman tahun 80an nak [mahu] mencari pekerjaan. Dulu belajar sehingga SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) je [sahaja] jadi tak ada [tidak ada] lah [dialek] kedudukan tempat nak gi kerja ni [mahu pergi kerja ini] elok-

elok ambil pengalaman yang lama. Dalam pengalaman bidang seni selama 42 tahun, pengalaman itu yang uncle [salih Yaacob] bawa kehidupan dalam apa cara pun, inilah kerja yang uncle [Salih Yaacob] buat untuk kehidupan.

**NF : Dari mana wujudnya nama panggilan 'SY' tu [itu], uncle [Salih Yaacob]?**

SY : Panggilan SY tu [itu] masa uncle [Salih Yaacob] masuk radio tahun 1986, masa tu [itu] uncle [Salih Yaacob] dah [sudah] dikira veteran jadi kita tukar brand [nama], Salih Yaacob kepada SY. Masa tu [itu] uncle [Salih Yaacob] guna nama Abang Jem, dan Mat Aning jadi orang tak [tidak] cop kita zaman dulu [dahulu] orang tengok kita zaman sekarang.

**NF : Sehingga sekarang ke panggilan tu [itu]?**

SY : Sekarang ni [ini] sebab ending last [penamat] dekat radio jadi orang masih ingat panggilan uncle [Salih Yaacob] dekat radio masa tu [itu], ada yang panggil Abang Jem, SY, _ _. Kebanyakannya lebih kepada panggilan Abang Jem.

**NF : Apa kata-kata semangat yang uncle [Salih Yaacob] masih ingat sehingga sekarang yang boleh jadikan uncle [Salih Yaacob] seorang yang berjaya ?**

SY : Kata-kata semangat tu [itu], kita sentiasa merendah diri lah [dialek] dimana kita

diletak disitulah kita punya usaha, kejayaan pun kat [di] situ. Kalau layak kita kat situ [disitu], maka teruskan. Kalau tiada, beralih arah lah. Jadi, kebanyakan uncle [Salih Yaacob] bawa kepada apa yang uncle [Salih Yaacob] mampu buat. Uncle tak nak [tidak mahu] ikut orang. kalau kita mampu buat album, kita buat album. Kalau benda tu [itu] ada jualan maka, ada sambutan lah kat situ [untuk itu]. Macam filem pun, mula-mula dulu [dahulu] pun filem dulu [dahulu] panggung kan banyak. Sekarang mana ada [tidak ada] panggung lagi. Disitulah kita punya tarikan kat situ [disitu], peminat-peminat jumpa kita kat situ [disitu].

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG AHLI KELUARGA TOKOH

**NF : Seterusnya, saya akan bertanya mengenai latar belakang keluarga, uncle [Salih Yaacob]?**

WNS : Tentang latar belakang.

SY : Hah? Latar belakang? Kat [dekat] belakang? [pandang belakang].

NF : Latar belakang keluarga uncle. Contohnya, nama anak-anak uncle [Salih Yaacob].

SY : Latar belakang dulu [dahulu] sawah. Berasal dari keluarga petani, menanam padi kat [dekat] sawah. Masa itu, uncle [Salih Yaacob] sekolah pun di sana. Selepas habis sekolah, uncle [Salih Yaacob] pun bawa diri cari pengalaman kerja. Yalah dah [sudah] habis sekolah kan, lepas SPM tu [itu], cari apa yang sesuai. Tapi zaman uncle tak [tidak] gunakan sijil, kita gunakan bakat. Bakat tu [itu] lebih luas, mudah kalau nak [hendak] buat sesuatu sebab kita menggunakan kemahiran diri kita sendiri, pelawak, pelakon, penyanyi. Itu tiada pada orang lain, ada pada kita. Baik kita buat yang kita dulu, kenapa kita nak [hendak] ikut orang lain. Jadi, macam tulah [itulah].

**NF : Uncle [Salih Yaacob] masih ada parents [ibu bapa] ke?**

SY : Parents [ibu bapa]? Sebenarnya uncle [Salih Yaacob] lahir pada tahun 1961, uncle dah [sudah] orang lain bela [pelihara], orang lain ambil jadi anak angkat. Jadi, disitu uncle dah [sudah] berpisah dengan mak [ibu]. Mak [ibu] dan bapak [bapa] memang dah tak ada dah [sudah tidak ada]. Bapak [bapa] angkat pun dah tak [sudah tidak] ada. Dah [sudah] 20, 30 tahun dulu [dahulu] lah. Uncle [Salih Yaacob] rapat dengan keluarga angkat sebab uncle dari kecil dekat situ.

**NF : Bila uncle [Salih Yaacob] start [mula] mendirikan rumah tangga?**

SY : Uncle [Salih Yaacob] mendirikan rumah tangga tahun 1983, masa tu [itu] umur 22 tahun dah [sudah] mendirikan rumah tangga. Sebab, sebelum uncle [Salih Yaacob] masuk dalam bidang ini, uncle [Salih Yaacob] masuk dalam kumpulan-kumpulan dakwah tapi [tetapi] uncle pergi jalan _ _ yelah [tanda setuju] sambil tu [itu] cari ilmu agama juga. Jadi, macam-macam lah. Jadi bila dah tu [sudah itu], kita pun terikut lah dengan sunnah lah apa lah. Perkahwinan itu menyelamatkan kita, jadi situlah perkahwinan pertama bermula.

NF : (Ketawa).

**TAMAT BAHAGIAN 2**

**BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH**

WNS : **Selepas itu, kami nak [hendak] tahu latar belakang didikan uncle [Salih Yaacob] waktu sekolah rendah, sekolah menengah.**

SY : Oh (nada mengiakan), latar belakang. Kita dulu [dahulu] orang susah. Jadi, bila orang susah ni [ini] tambahan pula kita ni [ini] orang bela [pelihara], jadi uncle [Salih Yaacob] ada sikap berdikari lah, nak [hendak] berusaha, nk [hendak] mencapai atas diri sendiri sekadar yang mampu. Pelajaran tak [tidak] tinggi mana pun. Masa sekolah pun kita kurang minat, ia cuma kerana nak [hendak] habiskan sekolah, itu sahaja. Sebenarnya, pada uncle [Salih Yaacob], apa yang uncle [Salih Yaacob] lalui tu [itu] sebagai satu pengalaman hidup. Bila kita merasa kesusahan tu [itu], disitulah kita nak [hendak] berusaha ke arah lebih berjaya tanpa mengira cara. Jadi, bila dah [sudah] begitu, uncle [Salih Yaacob] tak dan [tidak sempat] memikirkan tentang bakat ni [ini]. Dekat sekolah pun, uncle [Salih Yaacob] cuma jadi pengacara biasa sebab kita gila-gila [nakal] kan (tanda setuju). Bila [apabila] ada pertandingan nyanyian tu [itu], kita lah jadi pengacara tapi kita menyanyi juga. Tapi sudahnya cikgu kata "eh, sepatutnya awak yang menang" _ _ (ketawa). Kita biasa dekat sekolah bergurau, jadi situlah tarikan itu orang lain nampak. Kalau uncle dlm bidang ni [ini] pun, memang tak [tidak] hairan lah. Cikgu dekat sekolah pun dah [sudah] bergurau dan melawak dengan kita dah [sudah].

**WNS : Uncle [Salih Yaacob] memang aktif lah dulu [dahulu] masa sekolah?**

SY : Haaa (nada mengiakan) aktif seperti main sukan. Jadi, semua orang dekat sekolah bergurau senda, melawak. Tak [tidak] ada yang serius pun.

**WNS : Oh (nada mengiakan). Nama sekolah uncle [Salih Yaacob] yang uncle sekolah dulu [dahulu]?**

SY : Sekolah Rendah Sri Utama, zaman tu [itu] sekolah tersebut adalah sekolah inggeris. Selepas sekolah menengah masuk sekolah Sri Bidena sehingga form three [darjah tiga]. Siapa lupa bahasa inggeris, kena tendang, masuk SMK [Sekolah Menengah Kebangsaan], sambung belajar lagi dekat situ. Jadi pelajaran tu [itu] memang tak [tidak] __ ya lah orang kampung, dia belajar pun macam saingan tau. Tiada fikir nak [hendak] masuk U [Universiti] ke apa benda ke.

**WNS : Kira uncle ni tak [Maksud Salih Yaacob ini tidak] lanjutkan pelajaran sehingga U [Universiti], uncle [Salih Yaacob] terus kerja?**

SY : Haaa (nada mengiakan) tak [tidak] lanjutkan tapi [tetapi] uncle [Salih Yaacob] selalu pergi U [Universiti] waktu dulu [dahulu] sebab - - - sehingga orang rumah [isteri] tu [itu] orang U [Universiti]. Masa tu [itu] lah.

**WNS : Kenal kat [dekat] situ ke?**

SY : Kita lalu U [Universiti] sampai dekat room [bilik] dia.

**NF : Masa sekolah rendah uncle [Salih Yaacob] pernah pegang apa-apa jawatan ke?**

SY : Tak [tidak] ada. Orang tak [tidak] percaya nak [hendak] bagi kita jawatan tu [itu].

**NF : Sekolah menengah?**

SY : Sekolah menengah pun tak [tidak] ada. Uncle [Salih Yaacob] main sukan tu [itu] pun kerana uncle [Salih Yaacob] banyak mulut. Dulu uncle [Salih Yaacob] sertai pasukan takraw. Uncle tak [Salih Yaacob tidak] pandai main takraw. Jadi dia ambil uncle [Salih Yaacob] sebagai simpanan disebabkan banyak mulut _ _ _. Berkaitan sekolah semua out [tidak berminat] . Cikgu pula suka dengan kita.

SY : Kita ni [ini] kat [dekat] mana-mana pun kita bawa diri kita juga.

**WNS : Masa itu tahun berapa last [akhir] uncle [Salih Yaacob] sekolah tu [itu]?**

SY : Last [Akhir] sekali tu [itu] 1979.

WNS : 1979 lah kan?

SY : Haa (nama mengiakan) 1979 lah. Tahun 1980 dah [sudah] pergi ke bandar dah [sudah]. Jadi start [mula] di bandar tu dah [itu sudah] pergi kilang tu kilang ni [kilang itu kilang ini]. Kita masa tu nak [itu hendak] cari pengalaman lah. Dulu kalau kita kerja kilang tu [itu] konon dah bagus dah [sudah bagus]. Janji dapat gaji bulan-bulan kan (tanda tanya)?

NF : Betul.

WNS : Betul.

SY : Tapi dulu [tetapi dahulu] mana ada fikir macam sekarang. Dulu zaman lain.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

**BAHAGIAN 4: LATAR BELAKANG PILIHAN KERJAYA TOKOH (UMUM)**

**NF** : **Lepas tu [selepas itu], boleh tak [boleh ke] uncle [Salih Yaacob] ceritakan sedikit latar belakang pilihan kerjaya yang umum seperti [contohnya] macam mana uncle [Salih Yaacob] boleh terlibat dengan bidang seni?**

SY : Macam uncle [Salih Yaacob] cakap [bagitahu] tadi, terlibat tu [itu] kerana nak [mahu] mencari kerja sahaja. Bukan kerana bercita-cita nak jadi [mahu menjadi] hebat dalam bidang tu [itu]. Uncle [Salih Yaacob] boleh nyanyi, mereka perlukan penari, penyanyi, pelakon, pelawak. Semua tu [itu] uncle [Salih Yaacob] buat dalam tu [itu]. Lepas tu [selepas itu], pihak tv [televisyen] stesen tengok uncle [Salih Yaacob] ni [ini], dia kenal. Bila dia kenal, dia panggil jadi hos. Masa tu [itu], _ _ _ bercampur dengan ramai-ramai artis.

NF : Kira cuba nasib la dulu [dahulu]?

SY : haa [tanda setuju] cuba-cuba. Tak ada lah harapkan [tidak berharap], kita ingat kerja tu [itu] dah cukup dah kut dah [mungkin sudah cukup] ada gaji bulan-bulan dah [sudah ada gaji setiap bulan]. Tapi peluang tu [itu] ada. Lepas tu [selepas itu] ada AR Badul, dia kebetulan haritu [hari itu] nak [hendak] buat filem 'jejaka perasan'. Jadi uncle [Salih Yaacob] datang nak [mahu] tengok saja [sahaja] lah [dialek], konon-konon nak [mahu] berlakon sikit-sikit lah [dialek]. Tiba-tiba dia kata "oii, okay lah kau boleh". Besar punya peranan nak [kena] buat. Bermulanya pada tahun 1985.

**NF** : **Pada pendapat uncle [Salih Yaacob], apa beza pelakon, penyanyi, pelawak, pengacara, dengan penyampai radio?**

SY : Beza la wei . Penyampai radio, kita duduk macam ni [ini] cakap je [bercakap sahaja], orang dengar, orang tak [tidak] nampak kita. Kalau pelakon, kita kena menghayati skrip, kita kena hafal skrip. Kemudian, kita nak [hendak] berlakon tu [itu] penat sikit lah [dialek] take time [ambil masa] buat sikit-sikit. Itu yang kita tengok dah siap [kita tengok itu yang sudah siap] tapi makan masa [ambil masa]. Mula-mula dulu [dahulu] sebulan nak [hendak] habiskan filem. Habis je [sahaja] filem, kita shooting [buat penggambaran] kita nak kena dubbing [mesti kena mengalih suara] yang kita dialog tu [itu] sebab dekat situ [disitu] dia tak ada direct sound [tidak ada suara langsung]. Jadi kita kena ikut balik [semula] apa bahasa yang kita sebut tu [itu] bukan senang. Sekarang senang dah [sudah mudah], taruk [letak] mic [pembesar suara] dalam baju.

WNS & NF : (ketawa)

SY : Dulu [dahulu] memang susah, dua kali kerja. Skrip dua kali baca. Semua tu [itu] kita nak kena [mesti kena] ikut. Tengok gambar kita nak [kena] ingat apa kita cakap dalam tu [itu]. Jadi banyak pengalaman filem lain. Sekarang dah senang dh [sudah mudah]. Kalau tv [televisyen], live [siaran langsung]. Kita nak [mahu]

jaga kualiti tu [itu]. Bayangkanlah on the spot [secara terus].

NF : Spontan.

SY : Tak [tidak] boleh tersasul ke tersalah ke kan [tanda setuju]. Dia tak [tidak] boleh nak buang dah sebab dia live [siaran langsung] masa tu [itu]. Apa yang kita cakap, semua keluar untuk orang tengok. Banyak perkara. Macam melawak pulak, ianya bukan mudah sebab orang menyanyi senang. Kita ambik [ambil] mic [pembesar suara], kita menyanyi je [sahaja], engkau suka tak [tidak] suka, engkau punya pasal [hak] lah [dialek]. Kalau melawak, kalau orang tak [tidak] gelak aaa mampoh [habislah]. Bukan mudah nak [mahu] jadi pelawak. Kadang-kadang ada peringkatnya. Macam uncle [Salih Yaacob]] dah [sudah] biasa melawak, bergurau senda kat [atas] pentas. Sebelum jadi artis pun, dah [sudah] ada, cuma lengkapkan je [sahaja] lah [dialek]. Macam penyampai radio sebab pada uncle [Salih Yaacob], masa diorang offer [mereka tawarkan] jadi penyampai radio tu [itu], uncle [Salih Yaacob] cakap "macam mana nak jadi penyampai radio?", uncle [Salih Yaacob] bukan suara DJ, suara kita suara kartun. Sebab itulah uncle [Salih Yaacob]] buat suara macam-macam [berbagai-bagai] tu [itu]. Uncle buat suara Mat Ning, bila [apabila] orang mendengar tu [itu], mereka membayangkan bukan uncle yang bercakap. Contoh kalau uncle buat suara orang tua (meniru suara) (ketawa).

NF : (ketawa)

SY : Pendengar kata macam nenek je [sahaja] dekat [di] sebelah dia.

NF : Hebat lah [dialek] uncle [Salih Yaacob].

SY : Radio ni [ini] yang nak [mahu] suasana. Tu [itu] yang 13 tahun juga uncle [Salih Yaacob] bertahan. Jadi uncle [Salih Yaacob] dah [sudah] mengubah suasana komedi. Dulu [dahulu] penyampai radio (meniru suara) tapi uncle [Salih Yaacob] buat suara kartun jadi orang nak [mahu] yang itu, jadi bila uncle [Salih Yaacob] buat suara Mat Ning, Abang Jem. Seolah-olah macam ramai dalam tu [itu].

NF : Padahal sorang je [seorang sahaja].

SY : (meniru suara)

NF : (ketawa)

SY : (ketawa) (meniru suara).

**WNS : (ketawa). Uncle [Salih Yaacob] rasa nak [mahu] jadi penyampai radio lagi ke?**

SY : Tak [tidak] tahulah. Sekarang musim dah [zaman sudah] bertukar kan [tanda setuju]. Jadi apa pun tak [tidak] tahu. Jadi nelayan kut (melawak).

**NF : Antara kelima-lima tu [itu], uncle [Salih Yaacob] syorkan untuk golongan**

**baru yang ingin ceburi bidang ni [ini] yang mana satu?**

SY : Uncle [Salih Yaacob] tak [tidak] boleh nak bagi kat [dekat] orang. _ _ _ _ _. Ia melibatkan bakat, bakat tak [tidak] boleh diwarisi oleh keturunan. Ia semestinya dari kemahuan diri sendiri, dan ia mampu dikeluarkan daripada jiwa untuk orang lain. Itu sebab uncle [Salih Yaacob] dulu-dulu [dahulu kala], tengok [menonton] hitam putih cerita lama, cerita melayu. Jadi lagu-lagu dulu [dahulu] pun bukan hebat macam sekarang pun. Dulu [dahulu] tengok suara macam contoh _ _ _. Uncle [Salih Yaacob] pun pelik juga, "apa suara macam ni, kemek je". Jadi kerana kita nakkan [mahukan] zamannya tu [itu], jadi uncle [Salih Yaacob] suka meniru-niru. Kadang-kadang dekat kampung tu [itu] nyanyi cikai-cikai je [bersahaja] (menyanyi).

NF : (ketawa). P Ramlee (meneka lagu).

SY : Jadi disitu uncle [Salih Yaacob] buat gila-gila je [biasa-biasa sahaja]. Uncle [Salih Yaacob] rasa macam Uncle [Salih Yaacob] ni [ini] - - - sebab uncle dari zaman kanak-kanak, orang kata uncle keletah, loya buruk [banyak cakap]. Jadi kat situ [dari situ] orang tengok, "eh budak ni banyak cakap", macam tulah [itulsh]. Tapi kita tak [tidak] ada lah cakap kurang ajar, kita cuma cakap yang menghiburkan je lah [sahaja].

WNS : Lawak-lawak lah

SY : haa [tanda setuju] lawak-lawak lah (meniru suara).

Semua ketawa.

WNS : **Sepanjang uncle [Salih Yaacob] melibatkan diri dalam industri ni [ini], ada siapa-siapa tak [ke] yang uncle [Salih Yaacob] macam jadikan sebagai mentor atau pun - - -**

SY : Ia sebenarnya, uncle [Salih Yaacob] dulu [dahulu] memandang kepada seluruh artis di seluruh dunia. Kalau kita tengok Malaysia macam ni [ini], Indonesia macam ni [ini]. Kalau di Hollywood pula, oh [tanda faham] macam ni [ini]. Kalau Bollywood, oh [tanda faham] macam ni. Tapi semua tu [itu] macam kita ni [ini] sentuhan hindustan ada, kebanyakan orang tahu sebab tu [itu] uncle pergi ke genre [kategori gubahan artistik, seperti dalam muzik atau kesusasteraan] dangdut. Jadi benda tu [itu] uncle nak [hendak] tengok, "oh jadi aku boleh duduk dalam tu". Kalau duduk dalam rok [hutan] kan tercabut gigi-gigi, rambut pun dah tak tumbuh dah [sudah tidak tumbuh]. Alhamdulillah itulah caranya, maknanya kita kena baca diri kita, kita kena ukur diri kita. Orang kadang-kadang cakap je tak [sahaja tidak] tepat. Dia kata kita bagus tapi benda yang dia kata tu [itu] entah betul entah tidak [belum tentu betul]. "Eh! kamu baguslah", rupanya bagus gini je [begini sahaja] (sambil tunjuk jari kelingking). Dia nak [hendak] tunjuk kita lawak. Kita tak [tidak] boleh, kita kena ada sebagai ini sudah. Jadi kita dah [sudah] anggap semua tu [itu], peminat kita sebagai kawan je [sahaja], jumpa mana-mana pun, tegur. Tapi dah tak [sudah tidak]

rasalah sebab ia punya glamour [popular] tu dah tak ada dah [sudah tidak ada], sebab kita dah [sudah] biasa buat di pentas dan mana-mana walaupun nama belum naik [dikenali] lagi. Glamour [popular] tu cuma nama tu [itu] je yang naik [sahaja yang dikenali]. Itu sahaja lah.

WNS : Kiranya orang sekeliling uncle [Salih Yaacob] tu sebagai satu - - -

SY : Satu - - - macam dia support [sokongan], memberi semangat, dorongan.

WNS : Tak [tidak] adalah uncle [Salih Yaacob] nak [hendak] menuntut ilmu ke apa ke?

SY : Tiada tiada tiada. Ilmu alam je [sahaja] (melawak). Kalau contoh untuk lagu "Oh Suara dia macam ni" "Oh dia punya tinggi suara dia macam ni". Kita ambil pula kita punya bahagian. Jangan pula kita nak [hendak] ikut orang, dah nama tu nama kita, kita bawa diri kita lah. Barulah SY itu hidup.

WNS : 'SY' tu stands for uncle lah.

SEMUA : Semua ketawa.

**NF : Lepas tu [selepas itu], pada pendapat uncle [Salih Yaacob], apa beza artis dulu [dahulu] dengan artis sekarang?**

SY : Jauh bezanya, dulu [dahulu] kemudahan tak ada [tiada]. Dulu [dahulu] artis tak [tidak] ramai tumbuh [muncul] tau, ada satu tahun tu je [itu sahaja] lah kut [mungkin]. Ada satu artis tu [itu] pula buat album tak buat tiap-tiap minggu

[tidak keluarkan album setiap minggu], tiap-tiap bulan [setiap bulan] tapi dia buat setahun dua, jadi orang ingat lagu dia.

NF : Oh [tanda faham]

SY : Bila [apabila] raya je [sahaja] "Oh lagu ni". Bila musim ni [ini], lagu ni [ini]. Jadi orang ingatlah sebab dia membawa lirik-lirik dalam suasana. Contoh macam Sudirman [penyanyi Malaysia] Balik Kampung [tajuk lagu Sudirman]. Kampung tu saja [itu sahaja] sampai India Cina semua dah pakai [sudah dengar] pula. Last-last [akhir-akhir] kena pula baru ni [ini] masa [semasa] PKP [perintah kawalan pergerakan] jadi orang guna lagu balik kampung, dulu[dahulu] orang guna waktu raya je [sahaja], sekarang dah [sudah] guna untuk balik kampung. Jadi itu yang mempopulerkan lagu itu dan orang itu sendiri. Orang tu [itu] dah tak ada dah [sudah tiada], dia pun tak [tidak] tahu lagu tu [itu] hidup balik [didengari semula]. Macam tulah [itulah] orang kata 'evergreen'.

**NF : Lepas tu [selepas itu] bayaran yang diterima, mana lagi lumayan?**

SY : auhlah. Kita dapat pun pergi buat show je [pertunjukan sahaja], konsert-konsert ni jarang. Memang susah lah, melainkan artis-artis luar negara, bila masuk baru boleh tengok konsert, "Oh besar". Dulu 300 [RM300] sehingga 500 [RM500]. Nak naik [mahu dikenali] itu bukannya mudah. Kadang-kadang benda ini melibatkan zaman. Sekarang dah ratus-ratus ribu dah [sudah beratus ribu]. Tapi

dia tak [tidak] rasalah pula zaman tu [itu], habis pula zaman tu [itu].

WNS : **Kira bayaran yang uncle [Salih Yaacob] dapat tu [itu] ikut jam ke macam mana atau sekali pergi sekali dapat?**

SY : Dia ikut jam, kalau show [pertunjukan], ikut jam lah. Dulu [dahulu] uncle [Salih Yaacob] buat dinner show [pertunjukan majlis makan malam]. Kalau mula-mula untuk nak memulakan, dalam kita jam tu [itu] kita kena buat persembahan dalam satu jam. _ _ _. Lepas tu bila dah lama-lama [selepas itu, bila sudah lama], nama kita je [sahaja] yang ada, jadi masa tulah [itulah] baru kita letak harga. Masa tu [itu] barulah kita boleh kata "kalau nak ambil, tak nak sudah". (ketawa). Kita jual suara.

WNS : (ketawa)

SY : Ambo [saya] pun berniaga juga.

WNS : Bila ada nama ni kena mahal lah sikit kan?

SY : Kena lah wei (melawak) dah _ _ _ _ _ .

WNS : **Bagaimana uncle [Salih Yaacob] menyesuaikan diri dalam melakukan pekerjaan ni [ini] sewaktu pandemik? Adakah uncle [Salih Yaacob] selesa?**

SY : Pandemik ni [ini] kebetulan lah pula zaman uncle dah [sudah] berehat, zaman uncle dh tak [sudah tidak] aktif sangat. Maknanya sekali-sekali je [sekali sekala sahaja] lah. Jadi kita dah [sudah] rasa benda tu [itu] kita kena menyelamatkan diri kita kena ikutlah SOPnya [Standard Operation Procedure] peraturannya. Dalam industri pun dh stop dah [sudah berhenti], dh slow dh [sudah perlahan] tak boleh [sudah tidak boleh] nak bebas sangat. Tu [itu] bahagian masing-masing lah . kita dah [sudah] ada cara kita lah macam mana nak [hendak] menyesuaikan diri kita.

**WNS : Uncle [Salih Yaacob] ada punca pencarian lain tak selain berlakon semua tu [itu]?**

SY : Tiada tiada tiada.

WNS : Ada berniaga ke?

SY : Berniaga - - - uncle [Salih Yaacob] berniaga suara _ _ _ _ _

NF : Kiranya uncle [Salih Yaacob] seratus peratus memang dalam bidang seni la?

SY : Memang dalam bidang seni dapat rezeki di dalam industri inilah Uncle hidup sebagai manusia biasalah kan [tanda setuju]. Dah [sudah] berkeluarga, dah [sudah] berumahtangga, itulah hasilnya nak [hendak] menyekolahkan anak-anak . Dah selesai dah [sudah selesai], dah lepas dah, tinggal ada satu dua je lagi

anak-anak yang masih bersekolah. Uncle rasa dah bertahun dah [sudah bertahun], zaman sekarang kata orang bukan dah nak tengok kita dah. Orang semua dengar cerita kita cukuplah, orang dah tak [ sudah tidak] tengok dah [lagi], dah habis dah [sudah habis], kawan-kawan uncle [Salih Yaacob] pun dah lama dah [sudah lama] meninggal dunia. Jadi kita ni [ini] pun ya lah hanya bertugas, lagi [selagi] kita hidup bertugas lah.

WNS : Selagi hidup ada tanggungjawab.

SY : Tanggungjawab lah [tanda setuju]

**NF : Betul. Macam mana suasana kehidupan uncle [Salih Yaacob] sepanjang terlibat dalam bidang industri seni?**

SY : Dalam bidang industri seni ni [ini] berbagai-bagai lah tapi Alhamdulillah lah uncle [Salih Yaacob] rasa satu lagi sebab kita ada bekalan dalaman tau maknanya kita sentiasa bersyukur, kita reda. Walaupun dapat sikit pun Alhamdulillah. Tambah-tambah kita pula sudah berumah tangga adalah rezeki anak-anak, rezeki berumah tangga. Itu kita yakin dah [sudah] memang kita hidup ni [ini] kerana itu. Tapi alhamdulillah uncle [Salih Yaacob] dapat menyelesaikan benda-benda itu dengan mudah selalu dapat dorongan lah maknanya Allah buka jalan - - - Allah buka jalan _ _ _ _ _

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## BAHAGIAN 5: LATAR BELAKANG PILIHAN KERJAYA TOKOH (KHUSUS)

**WNS : Lepas tu [Selepas itu] uncle [Salih Yaacob] soalan seterusnya ni [ini] pasal pilihan kerjaya juga tapi [tetapi] yang khusus. Dalam bidang nyanyian tu [itu] bila uncle [Salih Yaacob] mula berkecimpung?**

SY : Uncle dulu [Salih Yaacob dahulu]- Aku minat nyanyian ni [ini], mulanya uncle [Salih Yaacob] minat lagu-lagu ketuhanan.

WNS : Oh (nada mengiakan) nasyid lah

SY : Bukan nasyid, bukan nasyid yang ada sekarang ni [ini], tapi lagu-lagu ketuhanan orang dahulu. Ianya macam nasyid tapi [tetapi] ianya banyak ke arah irama melayu. Aman Desa kenal tak [tidak]? tak [tidak]kenal kan?

WNS : (Menggeleng sambil ketawa)

SY : Tertarik dengan dia punya kesungguhan Alunan Suara dengan liriknya Contohnya macam masa tu [itu] uncle student [Salih Yaacob pelajar]. Ada satu, uncle [Salih Yaacob] dekat kampung lagi bila [apabila] uncle [Salih Yaacob] dengar Contohlah liriknya macam ni [ini] (Tokoh sedang Menyanyi) Ada uncle [Salih Yaacob] lupa dah [sudah]. Banyaklah ketika itu uncle beli kaset dia sampailah sekarang. Dulu beli masa putus kaset beli baru, putus kaset beli baru. Sampai macam tu [itu] sekali Sebab kita nak [hendak] ingat lirik dia tu [itu] berunsurkan ketuhanan. Jadi kita belajar-belajar tu [itu] kan kita nak [hendak]

kemas jelah [sahaja lah] hati kita tapi [tetapi] kerana suasana dalam bidang tu [itu] yang berbeza, kita kena berbagai-bagai lah. Tu [Itu] yang uncle [Salih Yaacob] buat lagu rap lah sebab kita tak [tidak] bolehlah bawa skop kita sendiri kan . Itulah puncanya sebab kita suka irama dangdut, sebab ia banyak menjelaskan kehidupan asal kita yang selama ni [ini] yang tak [tidak] boleh kita tanggung. Itulah caranya.

WNS : **Lepas tu [Selepas itu], pada awal karier [kerjaya] uncle [Salih Yaacob], uncle [Salih Yaacob] kan famous dulu [terkenal dahulu]. Bagaimana uncle [Salih Yaacob] menguruskan kehidupan karier [kerjaya] dan kehidupan peribadi uncle [Salih Yaacob]? Sorry [Maaf] uncle [Salih Yaacob] tertubek (tersasul) dialek Kelantan pula.**

SY : Mula-mula dapat peluang tu [itu] sebab uncle [Salih Yaacob] anggap ini satu pekerjaan tau [tahu]. Jadi bila [apabila] satu pekerjaan, uncle [Salih Yaacob] menyelesaikan jalan-jalan kerja tu [itu]. Uncle [Salih Yaacob] akan buat sampai habis. Uncle [Salih Yaacob] akan berusahalah bagaimana nak [hendak] meningkatkan diri uncle [Salih Yaacob] supaya lepas ni bila [ini apabila] ada peluang orang tarik lagi. Dulu kita bukan di bawah satu badan [syarikat]. Bila [Apabila] kita dapat satu filem ni [ini] contoh satu company [syarikat] yang panggil. Bila tajuk kita dengan filem tu [itu] kita kerja dengan company tu bila habis tu [syarikat itu apabila habis itu], dah kita tak [sudah kita tidak] ada kerja

dah [sudah] ataupun company [syarikat] lain panggil, company tu [syarikat itu] tarik. Termasuklah drama tapi [tetapi] uncle banyak filem, uncle ada 16 filem.

NF : Banyak.

SY : Tapi [Tetapi] yang orang-orang dulu [dahulu] tengok ni [ini] tinggal sikit je [sahaja].

**WNS : Lepastu [Selepas itu] pasal lagu pertama uncle [Salih Yaacob] lah kan, masa uncle [Salih Yaacob] mula-mula nyanyi tu [itu] lagu apa yang uncle [Salih Yaacob] nyanyi dekat pentas?**

SY : Lagu pertama uncle [Salih Yaacob] nyanyi atas pentas -(berfikir). Uncle [Salih Yaacob] nyanyi kebanyakan lagu-lagu lama jugalah, kita mana ada album. Bawalah lagu-lagu Mat Jais ke, lagu yang orang minat lah, kita ikutlah lagu apa yang orang nak [hendak]. Masa tu [itu] lagu 60-an yang orang tertarik. Lepas tu [Selepas itu] kita ikut pasal masa itu satu badan [syarikat] kesenian, jadi kita kena ikutlah program haaa (nada mengiakan) nampak tak [tidak]? Kalau sekarang dia jemput uncle [Salih Yaacob], uncle [Salih Yaacob] kena bawa lagu uncle [Salih Yaacob] lah.

WNS : Haa (nada mengiakan) yelah [ialah] uncle [Salih Yaacob] ada lagu.

SY : Kalau dulu [dahulu] kita pilih lagu apa kita nak [hendak] hiburkan orang ni [ini].

"Kalau orang ni [ini] suka lagu ni [ini], aku bawa lah lagu ni [ini]" haa macam itulah.

**WNS : Masa mula-mula yang uncle [Salih Yaacob] naik pentas, penerimaan masyarakat masa itu macam mana?**

SY : Masa itu kita tidak dikenali tapi [tetapi] disebabkan pentas tu [itu] buat kempen pilihan raya, kempen kerajaan lah tentang dadah kita nak [hendak] beritahu kepada masyarakat ni [ini] bahayanya dadah. Kita lakonkan sebagai lakonan di pentas tu bila [itu apabila] orang tengok "oh macam ini". Kita dah buat dah tapi bila tu [Kita sudah buat sudah tetapi apabila itu]] kita masukkan lagu-lagu unsur agama sikit. (Tokoh sedang Menyanyi). Tu [itu] lagu orang dengar tak [tidak] sampai hari ini.

WNS : Biasa dengar biasa dengar (nada mengiakan)

SY : Biasa dengar dah [sudah]? lirik dia tu [itu] Jadi bila dah nyanyi tu [Jadi apabila sudah nyanyi itu], orang kata lagu tu [itu] sedap. Janganlah pula kita ambil lagu yang kita maki orang pula (tokoh ajuk suara). Orang zaman dahulu kan mana dia orang nak [hendak] lagu macam tu [itu] (tokoh batuk)

NF : (Ketawa)

**WNS : Mula-mula bayaran yang Uncle [Salih Yaacob] dapat tu [itu] berpuas hati ke tak [tidak]?**

SY : Masa mula-mula dalam badan kesenian tu [itu] dia orang bayar gaji sebulan dalam 300 [RM 300].

NF : Banyak dah [sudah]. (mencelah)

SY : Alhamdulillah dah [sudah] sebab masa tu dah [itu sudah] okey dah [sudah] dapatlah sebuah rumah, makan dan minum semua.

SY : Dikira sebagai gaji hari lah, satu hari 10ringgit [RM 10]

**WNS : Lepas uncle dah [Selepas Salih Yaacob sudah] buat persembahan pertama, ada tak [tidak] syarikat rakaman yang offer [menawarkan] uncle?**

SY : Mulanya uncle [Salih Yaacob] pergi ke album ni [ini] ada syarikat rakaman offer [menawarkan] lah. Dia tengok uncle [Salih Yaacob] menyanyi dalam TV [televisyen]. "Sedapnya lagu tu[itu] sedapnya lagu tu [itu]".

Semua (ketawa)

**NF : Syarikat apa uncle [Salih Yaacob]?**

SY : Dulu Syarikat _ _. Mula-mula dulu [dahulu] lagu-lagu dalam tiga album pertama yang uncle [Salih Yaacob] buat.

WNS : Syarikat tu [itu] ada lagi ke sekarang, uncle [Salih Yaacob]?

SY : Tak [Tidak] tahu, uncle pun tak [Salih Yaacob pun tidak] tahu. Last kali [Akhir sekali] uncle [Salih Yaacob] dengan dia orang masa tu live record [itu rekod langsung]. Orang dengar lepas tu [selepas itu] kesudahannya orang guna juga _ _ _.

**WNS : Macam mana uncle [Salih Yaacob] rasa nak [hendak] sertai dia orang bila [apabila] di offer [tawarkan]?**

SY : Masa tu [itu] kita baru peringkat awal. Kita kan nak [hendak] kembang kita punya bidang ni [ini] supaya nanti kita ada album. Bila [Apabila] ada album, jadi ada pula sumber pendapatan dekat situ. Tambah pula kita pergi show [pertunjukkan], bila dah ada show [bila sudah ada pertunjukkan] pula adalah pula kita punya income [pendapatan] lain.

WNS : Dapat offer [tawaran] lain pula uncle [Salih Yaacob] (mencelah)

SY : Sebab masa tu [itu] saingan tak [tidak] banyak, tak [tidak] ramai artis. Tapi [Tetapi] kita pula zaman tu tak [itu tidak] ada macam zaman sekarang, kita dulu [dahulu] mana ada handphone [telefon pintar], manager pun tak ada [pengurus

pun tidak ada].

WNS : Buat semua sendiri ke? (ketawa)

SY : Sendiri la wei [ya].

**WNS : (Ketawa) sibuk. Ni [Ini] pasal album pertama uncle [Salih Yaacob], berapa banyak lagu yang ada dalam satu album?**

SY : Dahulu, kalau dipanggil album, ianya ada 12 lagu dalam satu album. Sekarang dah tak [sudah tidak] ada album dah [sudah] sebab dia orang mainkan satu lagu satu lagu.

WNS : Single single [tunggal].

SY : single single single [tunggal] haaa (nada mengiakan). Kalau kita orang dulu [dahulu] beratus-ratus lagu, kalau dalam setiap album tu [itu] ada 10 hingga 12 lagu. Kalau lima album dah [sudah] ada berapa lagu dah [sudah]. Diharapkan royalti [kepercayaan] yang syarikat bagilah, kalau jualan tu [itu] meletup dan disamping tu [itu] awak buat show [pertunjukkan] pula. Tu [Itu] awak punya income [pendapatan] sendiri lah pulak. Itu yang kita belajar nak cari income [Itu yang kita belajar hendak cari pendapatan] lebih. Itulah cara dia.

**WNS : Masa tu [itu] tahun bila masa uncle mula-mula buat album tu [itu]?**

SY : 1985. Tahun 85 tu uncle dah mula dah, lepas tu dah mula jalan satu Malaysia balik [Tahun 1985 itu Salih Yaacob sudah mula sudah, selepas itu sudah mula jalan satu Malaysia balik]. Buat show [pertunjukkan] dekat sana sini lah.

**WNS : Uncle [Salih Yaacob] keluarkan album masa tu [itu], kos masa tu [itu] okay ke, mahal ke, macam mana?**

SY : Masa tu tak [itu tidak] mahal mana pun, tak [tidak] tahu lah tapi [tetapi] biasa lah untungnya syarikat lah. Kita ni [ini] cuma buat tu [itu], dia bayar atas _ _ _. Sampai bila pun syarikat _ _ tu [itu] ada lagi.

**WNS : Lagu yang paling digemari dalam album pertama uncle [Salih Yaacob]?**

SY : Lagu tu -

**WNS : Pasal [tentang] apa lagu tu [itu]?**

SY : Lagu Puteri Remaja lah yang dia tengok kita tu [itu] (lirik lagu). (tokoh menyanyi). Jadi duk [duduk] sebut lagu tu [itu] dia tengok dia tengok jadi ramailah yang tengok kita.

NF & : NF dan WNS (ketawa)

WNS

NF : Ada makna (mencelah)

SY : (Ketawa) jadi orang tengok je [sahaja] kita. Tapi tak akan tengok je [Tetapi tidak akan tengok sahaja], beli lah. (ketawa) haa lagu tu [macam itu] lah.

**WNS : Uncle, perkembangan uncle [Salih Yaacob] sekarang, tak [tidak] ada ke uncle [Salih Yaacob] buat lagu senyap-senyap yang uncle tak release [Salih Yaacob tidak keluarkan]?**

SY : Tak [Tidak] ada. Uncle dah kira nak release kan otak, nak release kan tenaga [Salih Yaacob sudah kira hendak melegakan otak, hendak melegakan tenaga]. Kita sekarang hanya nak [hendak] menyaksikan dari belakang. Kita timbullah sekali-sekala sebab kita pun dah tak ada followers [sudah tidak ada pengikut]. Followers dulu zaman uncle, dah ada yang meninggal pun dah [Pengikut dahulu zaman Salih Yaacob sudah ada yang meninggal pun sudah]. Awak ni [ini] zaman 30 tahun baru awak timbul. 30 tahun uncle dah habis dah [sudah habis], dah tak ada album dah nak jual [sudah tidak ada album sudah hendak jual].

WNS : Ada je [sahaja] orang minat, uncle je yang tak tahu [Salih Yaacob sahaja yang tidak tahu].

SY : Malu lah.

**WNS : (Ketawa). Sepanjang uncle dalam bidang nyanyian tu [itu], uncle [Salih Yaacob] ada dapat apa-apa anugerah tak [tidak]?**

SY : Cuma anugerah tu je [itu sahaja] lah. Anugerah penghibur TV [televisyen] popular dalam anugerah berita harian RTM [Radio Televisyen Malaysia] sebab uncle [Salih Yaacob] buat program TV tu [televisyen itu] sekali tahun 1996. macam album yang meletup-letup tu [itu].

**NF : Masuk ke bidang lakonan pula ya, tahun bila uncle start [tahun bile Salih Yaacob mula] masuk bidang lakonan?**

SY : Tahun 85 [1985].

WNS : sekali ke dengan menyanyi, uncle [Salih Yaacob]?

SY : Sekali lah sebab kita laris kan haa

WNS : Uncle ni [Salih Yaacob ini] serba boleh kan?

SY : Haaa serba boleh lah (nada mengiakan).

NF : (Ketawa) multitasking. (mencelah)

SY : Sentuh sikit jadi, sentuh sikit jadi.

WNS : Ajaiblah uncle ni [Salih Yaacob ini], haish

SY : Uncle [Salih Yaacob] pun terkejut, "Eh ada album dah [sudah]".

**NF : (Ketawa) permulaan jejak kaki ke dunia lakonan ni [ini], Apa yang boleh buat uncle [Salih Yaacob] minat dengan bidang lakonan ni [ini]?**

SY : Itulah uncle [Salih Yaacob] cakap, uncle [Salih Yaacob] masih memikirkan tentang pekerjaan sahaja, "aku buat ni,aku nak dapat duit" sebab dulu bukannya income [pendapatan] besar sangat. Berlakon dulu [dahulu] satu filem dapat seribu, sikit je [sahaja].

**WNS : Tapi [Tetapi] masa mula-mula uncle [Salih Yaacob] berlakon tu [itu], memang penerimaan masyarakat?**

SY : Orang menerima tu [itu] cara dia oranglah, uncle [Salih Yaacob] kena fikirkan hidup uncle (ketawa).

NF & WNS : (ketawa)

SY : Takkan kita nak glamour tapi satu sen pun tak ada [Tidak akan kita hendak terkenal tetapi satu sen pun tidak ada]. Mampuih (melawak ) Orang nak

[hendak] tengok juga kita punya kedudukan, steady [mantap] ke tidak. Tahu-tahu tengok "alah kaki lima je". Tu [itu] kita kena jaga imej lah. Disitulah kita nak [hendak] menilai diri kita, Orang bukan pandang pada lagu je [sahaja], imej kita pun orang nak [hendak] tengok. Boleh jadi ikon lah. Ia dah [sudah] melibatkan keseluruhan tentang kehidupan.

NF : **Apa perasaan uncle [Salih Yaacob] apabila dipilih untuk melakonkan watak pertama dalam karier [kerjaya] lakonan uncle [Salih Yaacob]?**

SY : Tiada perasaan.

WNS & NF : (ketawa)

WNS : Mesti lah happy uncle [Mesti lah gembira Salih Yaacob].

SY : Uncle tak bercita-cita nak jadi watak yang besar begitu [Salih Yaacob tidak bercita-cita hendak jadi watak yang besar begitu]. Kalau uncle [Salih Yaacob] jadi sampingan pun okeylah lalu lalu tepi tu [itu] jadilah. Tapi bila [apabila] dia bagi macam tu [itu] kita rasa "Eh boleh buat ke tak boleh buat". Jadi, tu [itu] yang kita terpaksa berusaha sendiri juga tu [itu]"aku nak buat watak ni macam mana?". Walaupun pengarah bagi arahan begini, tapi [tetapi] kita nak [hendak]

timbulkan juga diri kita. Barulah orang nampak bakat kita.

WNS : Nak tak nak kena tu juga lah [Hendak tidak hendak kena itu juga lah]

NF : Cuba

SY : Mahu tak [tidak] mahu kena cubalah tapi [tetapi] uncle [Salih Yaacob] dapat peluang Itu sebabnya rezeki peluang uncle [Salih Yaacob] zaman tu [itu] memang sesuai lah.

**NF : Bagaimana uncle [Salih Yaacob] mengendalikan perasaan gugup atau takut bila [apabila] uncle [Salih Yaacob] berlakon?**

SY : Bukan berlakon sahaja, dalam kita buat persembahan pun semua kita lalui Sebab kita berhadapan dengan penonton, kita tak [tidak] tahu "penonton suka aku ke tidak ni?" Masa tu [itu] kita belum keluar lagi, jadi kita berselawat, bertawakal "Ya Allah niat aku nak mencari rezeki, aku berserah padamu ya Allah". Bila dah bermula, orang dah [sudah] ada respon _ _ _ _.

**NF : Apa filem pertama lakonan uncle [Salih Yaacob]?**

SY : Jejaka Perasan. Itu sebab sampai sekarang uncle [Salih Yaacob] perasan. Pernah tengok?

WNS : Biasa dengar tajuk sahaja tapi tak [tetapi tidak] tengok tapi [tetapi] nanti saya tengok (ketawa)

SY : Masa uncle [Salih Yaacob] baru-baru join [sertai] artis ni [ini] kan, uncle study [Salih Yaacob belajar] orang-orang lama punya sejarah tau [tahu] walaupun masih hidup ataupun dah [sudah] mati. Dia orang [mereka] menjaga dia orang [mereka] punya kualiti sebab orang dulu [dahulu] kuantiti kurang tapi [tetapi] dia orang [mereka] berkualiti, tu [itu] sebab filem mereka sampai hari ini orang tonton. Kalau kita tengok balik [semula] kan, Fulamak! [Alamak] semuanya ada sentuhan. Seronok tu [itu] seolah-olah kita berada di zaman tu [itu]. Ia sebenarnya berperanan membawa sebagai penyampai, penyampai dari segi watak, penyampai dari segi suasana cerita, kehidupan. Orang yang melihat tu [itu], dia menghukum diri dia, jadi kita memberikan satu tunjuk ajar dalam tu [itu]. Orang-orang seni ataupun artis-artis, nama mereka lebih besar dari pemimpin. Contohnya, kalau Bollywood, sebab tu [itu] income [pendapatan] mereka berjuta-juta disebabkan pengaruh tersebut. Orang tengok kisah tu [itu], dia orang [mereka] menyelamatkan orang dan sebagainya. Bukan fikirkan maksiat ke apa, tak [tidak] ada. Kita bawa cerita mak tiri. Kalau tengok tu [itu] terasa lah "kau buat tak perangai tu kalau kau tak buat okelah, kalau kau buat ni balasannya" . Dalam tu dah [Dalam itu sudah] ada tunjuk ajar.

NF : Pengajaran (mencelah)

SY : Pengajaranlah. Dalam nyanyian pun kita menyampai. Contohnya, kita buat lagu

ketuhanan, (menyanyi). Jadi rupa seni pada kita ni [ini] besar tau [tahu], dalam rumah awak ada dalam kereta awak ada. Bila lagu tu [itu] terkeluar kita punya aura besar. Walaupun kita tak [tidak] pernah jumpa kita tahu [kenal] dia. Itu sebenarnya target sebagai artis bukannya kita nak [hendak] buat benda-benda [perkara] mengarut.

WNS : Betul (mencelah).

SY : Yang mengarut ni [ini] yang tidak ada panduan. Jadi benda-benda macam ni [ini] tidak boleh dijadikan iktibar, tidak boleh memberikan satu petunjuk, tidak boleh memberikan satu kesan baik. Orang tanya "kenapalah dia orang ni hebat, popular?" sebab dia orang diperlukan oleh masyarakat. Dia memerintah besar dari kerajaan. Contohnya Bollywood, awak ingat Bollywood tak [tidak[? Shah rukh khan?

NF : Ingat.

SY : Orang tahu lagu dia padahal dia dekat India sana.

WNS : Aura dia tu [itu].

SY : Haa aura (nada mengiakan). Bukan aurat, aura.

NF & WNS : (ketawa)

**NF : Tahun bila filem itu ditayangkan, uncle [Salih Yaacob]?**

SY : Tahun tu [itu] jugalah, dulu mana banyak filem pun. _ _ _ _ filem Cina, filem Hong Kong, India, Tamil, Superman.

**NF : Macam mana sambutan penonton tengok debut filem pertama uncle [Salih Yaacob]?**

SY : Alhamdulillah. Tak [tidak] adalah meriah macam sekarang kadang-kadang orang yang kat [dekat] bandar lah orang yang dekat kampung ni [ini]. Kebetulan masa tu [itu] panggung dah [sudah] banyak tutup kut [rasanya]. Yang dekat kampung-kampung ni dah [ini sudah] mula tutup dah [sudah]. Kebanyakannya di bandar lah. Di bandar tu [itu] lah yang mana kaki-kaki menonton tu [itu] dapatlah. Tapi [Tetapi] kalau di kampung masa tu [itu] uncle [Salih Yaacob] ingat lagi _ _ _ _ _ . Tak [Tidak] sempat filem uncle [Salih Yaacob] masuk lagi dia dah [sudah] tutup sebab masa tu dah [itu sudah] ada video. Jadi video tu dah [itu sudah] block [disekat], "buat apa pergi panggung, aku dah boleh tengok banyak kali dekat video" (ketawa). Banyaklah sebab tulah [itulah] kadang-kadang nak [hendak] ubah suasana tu [itu].

**WNS : Sekarang kan dah [sudah] ada media sosial [laman sesawang], kalau orang suka ke tak [tidak] suka ke orang akan komen dekat akaun tu tapi [itu tetapi] kalau dulu [dahulu] macam mana uncle [Salih Yaacob] tahu**

**diorang suka atau tak [tidak] suka?**

SY : Dulu [Dahulu] kita berhadapan dengan reporter [wartawan], terpulang pada reporter tu [wartawan itu] dia nak suka ke tak nak suka kita [dia hendak suka ke tidak hendak suka kita], dia bantai [kenakan] lah kita.

WNS : Dia wakillah? Wakil rakyat (ketawa).

**NF : Lepas filem pertama, uncle [Salih Yaacob] ada terima tawaran dari syarikat perfileman lain tak [tidak]?**

SY : Samalah, masa tu [itu] sama dengan Mr Os, keluarga 99.

**NF : Syarikat lain semua ke tu [itu]?**

SY : Syarikat lain pula lepas tu [selepas itu] Janda Meletup.

WNS : Masyuk [Berbaloi] lah

SY : Haa (nada mengiakan) masyuk [berbaloi]

NF : Pelakon yang sama pula tu [itu]

SY : Dalam setiap tahun tu [itu], lepas habis filem ni [ini] akan ada lagi filem lain. Tulah [Itulah] rezeki dia. Tak [Tidak] adalah kita tengah shoot [penggambaran],

lari pula nak [hendak] pergi shoot [penggambaran] sana. Tak buatlah macam tu [Tidak buatlah begitu], penat.

NF & WNS : (ketawa)

**NF : Antara filem-filem uncle [Salih Yaacob], filem mana yang uncle [Salih Yaacob] rasa paling memberi kesan dalam hidup uncle [Salih Yaacob]?**

SY : Keluarga 99, masa tu [itu] uncle [Salih Yaacob] shooting [penggambaran] di Thailand. 1 and 2, 2 and 3, I love you. Tak tengok la tu, tak buat homework [Tidak tengoklah itu. Tidak buat ulang kaji].

NF & WNS : (ketawa)

NF : Pernah dengar tajuk Keluarga 99

SY : Tajuk dengar bukan boleh buat apa

WNS : Nanti kita tengok ya uncle [Salih Yaacob].

SY : Lontong pernah tengok?

WNS : Apa?

SY : Lontong. Tak tengok lah tu [Tidak tengok lah itu]

WNS : Tak [Tidak] tengok.

SY : Macam mana awak nak [hendak] komen, awak tak tahu nak buat apa la tu [awak tidak tahu hendak buat apa la itu].

**NF : (ketawa) Pernah tak uncle [Pernah tidak Salih Yaacob] alami sebarang masalah semasa dapat watak tu [itu]? Contohnya tak suka watak tu ke [Contohnya tidak suka watak itu ke].**

SY : Tak [Tidak] ada. Ada je [sahaja], ambil. Dapat watak jadi orang tua pun, orang tua lah. Kalau awak tak [tidak] ada orang lain ambil.

WNS : Rugi lah uncle [Salih Yaacob] kalau uncle [Salih Yaacob] tolak.

SY : Dulu [Dahulu] uncle [Salih Yaacob] pernah tolak tawaran jadi spider-man (melawak)

WNS & NF : (ketawa)

NF : Cubalah uncle [Salih Yaacob] (ketawa)

WNS : Uncle [Salih Yaacob] ganti Tom Holland (ketawa)

SY : Uncle [Salih Yaacob] perut besar, tak [tidak] boleh (ketawa)

NF : **So [Jadi], sekarang uncle [Salih Yaacob] rehat sahajalah tak [tidak] berlakon tak [tidak] apa lagilah?**

SY : Tak [Tidak] ada dah [sudah] lagipun suasana PKP [Perintah Kawalan Pergerakan]. Walaupun kita rasa PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] dah [sudah] habis tapi [tetapi] jangkitan tu [itu] masih ada lagi, masih ada yang mati lagi. Jadi kita jangan fikir pasal orang, kita fikir diri kitalah. Hari-hari ada orang meninggal . kadang-kadang kita pergi sana, kita bawa orang punya jangkitan.

WNS : **Tak [Tidak] ada ke yang offer [tawarkan] uncle [Salih Yaacob] tapi [tetapi] uncle [Salih Yaacob] tolak buat masa sekarang ni [ini]?**

SY : Ada

WNS : Ada? Tengok? Uncle [Salih Yaacob] masih berbisa (ketawa)

NF : Tulah [Itulah], masih berbisa.

SY : Uncle [Salih Yaacob] masih berdosa (melawak)

NF & WNS : (ketawa)

**NF : Banyak ke uncle [Salih Yaacob] dapat tawaran?**

SY : Sekarang ada yang episod, 13 episod, kalau 13 episod tu [itu] makan bulan tau [tahu]. Tak [Tidak] larat lah kita. Kalau telemovie tu [itu], 7 atau 8 hari tu [itu] bolehlah. Kalau yang berepisod-episod tu [itu] uncle [Salih Yaacob] penat dah.

**WNS : Soalan seterusnya pasal [tentang] pelawak, bagaimana uncle [Salih Yaacob] digelar sebagai seorang pelawak? Bagaimana orang boleh mengenali uncle [Salih Yaacob]?**

SY : Sebab kebanyakan uncle [Salih Yaacob] berlakon filem komedi, jadi bila komedi tu [itu] tentu melawak lah. Melawak melawak melawak. Unce [Salih Yaacob] pula di pentas memang melawak pun tapi uncle tak [tidak] ada group, uncle sorang je [seorang sahaja]. Uncle [Salih Yaacob] buat _ _ show. Menyanyi menyanyi lepas tu [selepas itu] buat lawak Uncle [Salih Yaacob] tak [tidak] ada partner [pasangan] maknanya.

**WNS : Uncle ada menyertai pertandingan lawak contoh macam sekarang Maharaja Lawak?**

SY : Masa mula-mula kita nak create [mahu bina] nama supaya ada dalam industri tu [itu] jadi uncle [Salih Yaacob] masuk bakat _ tahun 1985.

NF : 1 tahun semua.

WNS : Uncle [Salih Yaacob] sapu bersih.

SY : Jadi uncle [Salih Yaacob] dapat tempat ketiga. Tempat pertama masa tu [itu] orang dah biasa, pokya kelate [Sabri Yunus, seorang pelawak, pelakon, pengacara, dan pengarah Malaysia].

WNS : kenal.

SY : Dulu [dahulu] banyak program dah masuk [sudah sertai], mestilah dia menang. Yang kedua group OS [kumpulan Osbon, diganding oleh Mr. Os dan Abon] dah [sudah] ada program tapi uncle tak [tidak] ada program apa lagi. Tak apalah [tidak mengapa] tempat ketiga pun, tempat ketiga lah.

**WNS : Masa uncle masuk [sertai] pertandingan, uncle [Salih Yaacob] nak [mahu] buat lawak tu [itu] susah tak nak [hendak] suruh orang gelak?**

SY : Memanglah. Kita ni [ini] orang tak [tidak] kenal lagi bila sekali kita sebut orang dah hihihi (ketawa) masa tu [itu] kau tahulah nasib kau.

**WNS : Bagi uncle [Salih Yaacob], kalau audience [penonton] gelak [ketawa], apa perasaan uncle [Salih Yaacob]?**

SY : Kita dah naik hantu [sudah bersemangat], macam bebas, rasa dah [sudah] boleh keluar. Orang dah [sudah] bagi support [sokongan]. Tapi kalau seorang pun tak [tidak] gelak, "alah dah mati ke ni".

WNS : krik krik krik (ketawa)

SY : (ketawa) dari dulu [dahulu] uncle [Salih Yaacob] banyak buat lawak depan VIP [orang penting atau orang kenamaan], kerabat raja-raja, raja brunei, buat konsert. Bayangkan nak [mahu] menghidupkan dia orang [mereka] tu [itu] supaya peminat suka dekat lawak kita tu [itu]. Masa tu [ketika itu] uncle [Salih Yaacob] buat konsert Salih Yaacob bersama Ella tapi Alhamdulillah kita pukul habis [berjalan lancar].

**WNS : Perbezaan lawak dulu [dahulu] dengan lawak sekarang?**

SY : Lawak sekarang pun okay [boleh diterima] mengikut pemahaman orang sekaranglah. Takkan kita nak bawa [mahu membawa] lawak dulu [dahulu], lawak dulu dah [dahulu sudah] semulajadi ada. Dah steady dah[sudah mantap] kita dah [sudah] boleh guna sikit-sikit lah. Lawak dulu [dahulu] banyak memberi pengajaran, contohnya cerita P Ramlee [Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh, ] "dah tua pun bodoh". Maknanya "mu dah tua-tua tak reti-reti lagi ke" haa macam tulah [itulah].Tapi tak [tidak] boleh kita gunakan dialog tu [itu], bawalah cara kita pula sekarang. Kalau tak [tidak] meniru pula.

WNS : Lawak dulu [dahulu] pun masih kelakar sekarang ni.

SY : meme meme meme [memang].

WNS & NF : (ketawa)

**NF : Pengacara pula, bagaimana uncle [Salih Yaacob] boleh tercetusnya minat uncle [Salih Yaacob] nak [mahu] jadi seorang pengacara?**

SY : Pengacara tu [itu] kerana dia nak [mahu] _ _ _ uncle tau. Apa yang uncle [Salih Yaacob] boleh buat satu persembahan dalam program ni [ini] yang boleh orang ketawa. Itu yang uncle tiru gaya orang lainlah, cakap lebih kurang gitulah [begitulah] dan macam-macam lah [berbagai-bagai]. Apa yang kita cakap pada dia orang [mereka] supaya dia boleh ikut tapi tidak semudah itu lepas tu [selepas itu] bila orang suruh sekali lagi, uncle [Salih Yaacob] dah tak [sudah tidak] berani (ketawa) masatu [ketika itu] "aku pun tak tahu macam mana aku boleh terima".

**NF : Rancangan TV [televisyen] pertama sebagai pengacara?**

SY : Ibarat Minggu Ini, uncle [Salih Yaacob] menjadi hos [pengacara]. Awak tak ada [tidak wujud] lagi, tahun 80-an.

WNS : Kitorang ni [kami semua] lahir tahun 1999, uncle [Salih Yaacob].

SY : Oh [tanda faham], dah jauh sangat dah [sudah jauh]. Maknanya uncle [Salih Yaacob] punya program tu dah berlumut dah [sudah lama].

WNS : (ketawa) legend [lagenda] uncle [Salih Yaacob]. Jangan cakap macam tu [itu].

NF : legend [lagenda] [tanda setuju].

SY : (ketawa) tapi tulah [itulah] uncle [Salih Yaacob] dulu [dahulu] mencari artis-artis lama tau. Uncle [Salih Yaacob] cari yang lama sebab uncle [Salih Yaacob] nak [hendak] berkenalan, korek [belajar] pengalaman beliau. Macam Mat Ning tu [itu], Mat Ning cari uncle [Salih Yaacob] dekat KL [Kuala Lumpur] tau dia tu [itu] dari Singapura haa awak tengok dalam YouTube tu [itu] ada 'Mat Ning Bersama Salih Yaacob'. Dia cari sebab uncle [Salih Yaacob] tiru suara dia.

SY : (ketawa) tapi tulah [itulah] uncle [Salih Yaacob] dulu [dahulu] mencari artis-artis lama tau. Uncle [Salih Yaacob] cari yang lama sebab uncle [Salih Yaacob] nak [hendak] berkenalan, korek [belajar] pengalaman beliau. Macam Mat Ning tu [itu], Mat Ning cari uncle [Salih Yaacob] dekat KL [Kuala Lumpur] tau dia tu [itu] dari Singapura haa awak tengok dalam YouTube tu [itu] ada 'Mat Ning Bersama Salih Yaacob'. Dia cari sebab uncle [Salih Yaacob] tiru suara dia.

SY : (meniru suara)

NF : (ketawa)

SY : Tahu ke siapa Mat Ning? Tengok filem Seri Mersing?

WNS : Filem apa, uncle [Salih Yaacob]?

SY : Seri Mersing.

WNS : Tak tengok [tidak tonton], uncle.

SY : awak ni [ini] bukan ketinggalan, memang tertinggal.

WNS : em [tanda setuju] tertinggal.

NF : Tertinggal sangat [tanda setuju], uncle [Salih Yaacob].

SY : em [tanda setuju] meme [memang]. Jadi uncle [Salih Yaacob] ikut (meniru suara). Mungkin dia tak [tidak] membayangkan Mat Ning yang itu, dia orang [mereka] membayangkan uncle [Salih Yaacob] ni [ini] pula Mat Ning (ketawa) (meniru suara).

**NF : (ketawa) Hebat lah uncle [Salih Yaacob]. Masa pengacara tu [itu], uncle [Salih Yaacob] bergandingan dengan siapa?**

SY : tak kira [tidak mengira] siapa, dengan Ogy Ahmad Daud [Fauziah Ahmad Daud, seorang pelakon, penyanyi, dan pengacara Malaysia]. Tengok [tonton] dalam YouTube lah. Dengan Ogy Ahmad Daud, dan berbagai-bagai artislah. Kita tak [tidak] simpan tapi apa yang ada dalam YouTube tu [itu], itu sahajalah yang ada

pun. Mana orang tu [itu] hilang dah?

WNS : kejap uncle [Salih Yaacob], phone [telefon] saya ni [ini] habis bateri pula dah [sudah].

SY : pulak

**NF : Bagi uncle [Salih Yaacob], apa ciri-ciri yang menepati kriteria sebagai seorang pengacara?**

SY : Pengacara ni [ini], IQ [ukuran piawaian kepintaran] dia kena tinggi kalau IQ dia rendah, susah dia nak [hendak] mengupas isu-isu yang berlaku. Banyak kena study [belajar], bila dia faham tu [itu] dia faham ni [ini] nampak macam orang yang perfect [sempurna] lah kan [tanda setuju].

WNS : Dia kena rajin study [belajar] tentang isu semasa.

SY : isu semasa dia kena study [semasa], kena tahu nak [mahu] sebut benda tu [itu]. Barulah bercakap tu [itu] banyak macam orang pandai, padahal bodoh pun. (ketawa)

WNS : (ketawa) barulah orang kagum.

SY : eh orang kagum pulok [pula].

**WNS : Uncle [Salih Yaacob] ditawarkan menjadi seorang penyampai radio?**

SY Itulah sebab Allah memang nak [hendak] arahkan uncle [Salih Yaacob] untuk beralih arah untuk ambil rezeki yang seterusnya, masa tu [ketika itu] kita punya show [pertunjukan] dah agak jarang [sudah tidak kerap]. Tahun 2006 tu [itu] dia datang, dia offer [tawarkan] uncle [Salih Yaacob] dengan tawaran gaji sebagai penyampai radio. Uncle [Salih Yaacob] cakap "peluang baiklah kita bulan-bulan dah ada gaji". Masa itu [ketika itu] dia test [uji] uncle [Salih Yaacob] 2 atau 3 bulan, jadi kemudian benda tu [perkara itu] mendadak. Program uncle [Salih Yaacob] sampai [sehingga] pencen tu [itu] lah uncle [Salih Yaacob] dalam segmen nombor 1 dalam semua radio.

**WNS : Uncle [Salih Yaacob] jadi penyampai radio selepas dah jadi penyanyi, pelakon semua tulah [itulah]?**

SY : Maknanya tu dah kira ending dah [itu sudah dikira penamat]. Sebelum nak [mahu] menamatkan karier [kerjaya] itu kita merasa semua bidang.

**NF : Tahun 2006 tulah [itulah] uncle [Salih Yaacob]?**

SY : Tahun 2006 sampai [sehingga] tahun 2018, 13 tahun. Uncle [Salih Yaacob] dengan Raja Azura [pelakon, pelawak, penyanyi, penghibur, pengacara, dan

penyampai radio], saya tahu.

SY : haa [tanda setuju] pagi tu [itu] sebab bapak [bapa] awak hantar awak pergi sekolah, tidak awak pun tak [tidak] tahu.

**NF : (ketawa) siaran pertama uncle [Salih Yaacob] sebagai penyampai?**

SY : Sinar FM, segmen Sinar Pagi lah maknanya. Kita bersiaran 4 jam, dari 6 pagi hingga 10 pagi. masa tu [ketika itu] orang baru nak [hendak] pergi kerja, jalan tengah jem [sesak], jadi tu [itu] yang timbul Abang Jem.

NF : Oh [tanda faham]. Jadi dapat panggilan tu [itu] dari situ?

SY : Macam tu [itu] lah pasal [tentang] Abang Jem. Orang tension [ketegangan] dia orang [mereka] mengaku sendiri, masa nak [semasa hendak] pergi kerja ni [ini] banyak fikir pasal [tentang] kerja. Jadi dia orang [mereka] tak nak [mahu] fikir, dia orang nak [mereka mahu] dengar sahaja (ketawa). Itu yang ramai tersenyum dalam kereta sampai kena tahan polis pun ada. "Awak tengah guna fon ke" "tak, saya tengah dengar sinar". Bagi polis dengar, polis pun tahu.

**WNS : Pendapatan mana lagi lumayan antara penyanyi, pelakon, dan sebagainya?**

SY : Radio lumayanlah sebab uncle [Salih Yaacob] tak ambik kerja lain dah [sudah tidak buat kerja lain] (ketawa) dah boleh goyang kaki [sudah boleh rehat].

SY : Uncle [Salih Yaacob] duduk goyang kaki je [berehat sahaja] _ _ _ _.NF: Sebab itu uncle [Salih Yaacob] lama duduk [berada] dalam bidang ni [ini]?

NF : Sempoi.

**WNS : Antara penyanyi, pelakon, pelawak, pengacara, dan penyampai radio yang mana uncle [Salih Yaacob] lagi enjoy [seronok] buat kerja?**

SY : Lagi enjoy [seronok] dalam radio lah senang cerita.

WNS : Sebab kerja rilek [tidak banyak kerja] ke macam mana?

SY : Rilek lah [tanda setuju], kita pun tak [tidak] dikomen kita hanya bercakap bebas, apa yang kita nak [mahu] cakap kat [dekat] orang. Uncle [Salih Yaacob] tak [tidak] bawa info [ sampaikan maklumat] tau tapi uncle [Salih Yaacob] punya partner [rakan setugas] bawa info [sampaikan maklumat]. Uncle [Salih Yaacob] hanya nak selit-selit [ mahu menyelit] itu je [sahaja]. Memeriahkan aja [sahaja]. Kalau tanya balik [semula] pada kita, kita memang tak [tidak] tahu nak [hendak] cakap apa pun (ketawa).

WNS & NF (ketawa)

SY : (batuk)

**TAMAT BAHAGIAN 5**

**BAHAGIAN 6: SUMBANGAN TOKOH**

NF : Kalau uncle [Salih Yaacob] tak [tidak] keberatan lah, apakah sumbangan yang boleh uncle [Salih Yaacob] kongsikan sepanjang berada dalam industri seni ni [ini]?

SY : Sumbangan suaralah.

NF : (ketawa)

SY : Apa sumbangan _____

**NF : Uncle [Salih Yaacob] sepanjang penglibatan, ada ke pencapaian uncle [Salih Yaacob] terima dari dalam negara ke, luar negara ke?**

SY : Ada. Dalam negara ada lah.

SY : takde [tidak ada], tak ada lah [tidak ada lah] besar mana pun, untuk sebagai pingatlah.

WNS : em [tanda setuju].

SY : Sebab anugerah daripada kerabat _ _ _ _ _ apa, negeri lah _ _ _ _ _.

WNS : Anugerah kerabat daripada kerabat diraja ke uncle [Salih Yaacob]?

SY : Daripada raja lah [tanda setuju].

**NF : Uncle [Salih Yaacob] ada terima apa-apa anugerah sepanjang berkhidmat, tak kisah berlakon ke menyanyi ke?**

SY : Itulah, satu tu je [itu sahaja] anugerah bintang tulah [itu lah], kira tu [itu] pun yang last dah [terakhir].

SY : Sebab dia dalam persaingan dia tak [tidak] tahu lah macam-macam bersaing ni [ini] kadang-kadang kita tu [itu] layak ke tidak ke, kita tak [tidak] tahu.

WNS : Ya.

SY : [Berdehem], kalau boleh kita nk [mahu] ikut sangat.

NF : Pernah ke uncle [Salih Yaacob] dijemput untuk handle [mengendalikan] khusus atau ceramah ke pasal industri seni ni [ini].

SY : Oh [tanda faham], tak ada [tidak ada]. Tak tahu lah dulu [dahulu] universiti apa, tak ingat [lupa] lah, sekarang ni pasal tempat - - -.

NF : Pernah lah kiranya [maksudnya].

SY : Haa pernah lah [tanda setuju], penyampai radio lah. universiti apa (berfikir).

WNS : Uncle [Salih Yaacob] pergi ke?

SY : Gi [pergi] lah, kita gi [pergi] lah juga sebab kita bertugas kat [dengan] radio. Jadi dijemput melalui tu [itu], dia nak [hendak] panggil DJ tu [itu] kita kena ikutlah sebab sebagai perintah syarikat itu sendirilah kan [tanda setuju].

WNS : Haah [tanda setuju]

**TAMAT BAHAGIAN 6**

**BAHAGIAN 7: NASIHAT TOKOH**

**WNS : Kita dah [sudah] masuk dekat [berada di] sesi soalan terakhir tentang nasihat uncle [Salih Yaacob] kepada generasi yang baru-baru ingin mencuba mengembangkan bakat dalam industri seni dekat Malaysia ni [ini]. Apakah harapan uncle [Salih Yaacob]?**

WNS & NF : Yee [ya] betul.

SY : Cuma dia dianugerahkan bakat, bakat tu [itu] adalah satu anugerah dari Allah yang kamu kena jaga ke arah mana kamu nak [mahu] bawa kepada manusia yang lain. Macam uncle [Salih Yaacob] contoh, uncle [Salih Yaacob] bawa ni [ini] orang kenal uncle [Salih Yaacob], tapi apa yang uncle nak [mahu] orang yang uncle kenal tu [itu] dia mungkin nak [mahu] sesuatu yang uncle boleh berikan ataupun nasihat ke atau panduan. Contohnya beri nasihat macam mana kita nak [hendak] hidup, nak [hendak] menjaga diri kita, keluarga kita, anak-anak kita, haa banyak benda tu [perkara itu] kita kena sampaikan juga pengalaman kita lah sebagai manusia. Kita manusia juga, ada lah benda [perkara] yang kita ambil kat [dekat] orang, orang pula ambil kat [dengan] kita.

WNS : Kira [maksudnya] artis ni [ini] macam role model [contoh] juga lah uncle [Salih Yaacob].

SY : Haa [tanda setuju], tapi terpulang pada artis itu sendirilah kalau attitude [perangai] dia rendah [sikap kurang baik], memang dia tak [tidak] boleh pergi kemana lah, setakat jadi artis setahun dua tahun dah hilang, pastu [selepas itu] orang tak ingat [lupa] apa kerjaya dia, apa yang dia pernah buat. Tapi kalau orang tu [itu] seronok, Alhamdulillahlah sampai [sehingga] sekarang orang kenal uncle [Salih Yaacob] sebab kita dulu [dahulu] saingan tak luas [tidak banyak], dan kita masih boleh buat album tiap-tiap [setiap] tahun. Kalau sekarang 1 bulan tu je [itu sahaja] lagu itu bertahan, lepas orang lain masuk [buat] lagu lain pula, lagu awak dah [sudah] tenggelam.

WNS : Adat dia dah [sudah adatnya].

SY : Haa jadi zaman sekarang, kita akui akhir zaman doh [sudah dihujung zaman]. Dah akhir zaman dah [sudah akhir zaman] walaupun awak nak menerima ke tidok ke [samada mahu menerima atau tidak] benda tu [perkara itu] sedang berlaku pada seluruh dunia, bukan dekat [di] negara kita je [sahaja]. Jadi dari segi pelajaran, awak hanya lalui sebagai student [pelajar], awak belajar untuk lulus, awak tak ada belajar macam mana lepas lulus. Kita belajar agama, kita lulus tapi kerana awak nak [hendak] lulus, tak [tidak] ada agama tu [itu] awak akan bawa selepas itu. Ini satu perkara kita kena ingatkan diri kita sekurang kurangnya kita ada asas lah, asas tu pun cukuplah.

WNS : Betul-betul.

SY : Kalau kita tak ada [tiada] asas tu [itu] kita memang terambeng lah [tidak stabil],

kita tak [tidak] tahu mana satu kita nak [mahu] pilih, yang batu ataupun permata sebab benda [perkara] ini melalui pengalaman dan pemahaman diri kita juga. Kita bukan mudah lah ikut orang macam awak dulu [dahulu] sekolah tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, awak ada guru,buku tetapi selepas itu tiap [setiap] tahun awak kena pulangkan buku tu [itu], awak tak pegang dah buku tu [sudah tidak pegang buku itu], pelajaran tu [itu] bukan lagi pelajaran yang baru. Haa yang ini kena ingat sekarang awak dah [sudah] pulangkan buku semua tu [itu] di _ _ _ _ _ awak hidup atas diri awak sendiri, awak belajar hidup pula. "oh aku dah sorang ni aku nak cari kerja", disitulah awak dah [sudah] mendidik diri. "aku nak kerja apa?" "kerja ni boleh kut" kemudian nak bercampur dengan orang macam mana. Kita kena ada benda [perkara] yang kita tapis, kemudian kalau kita dalam bidang seni ni [ini] pula, aku ni [ini] sesuai lagu apa, kemudian apa yang boleh aku bawa pada orang lain supaya orang pun terima lagu tu [itu] dan dia dapat terapkan lirik tersebut, ada masa dia macam roda lah kadang di atas kadang di bawah. Ya, suka gak suka [suka ataupun tidak] yang penting terima aja [sahaja].

WNS & NF : (ketawa).

SY : Jadi dalam kehidupan awak kena ingat, awak akan hidup dan awak akan balik [kembali kepada pencipta]. Semua orang akan balik [kembali kepada pencipta]. Allah punya ketentuan, kita tak [tidak] tahu ramai lagi yang - - -

NF : Tidak kira usia.

SY : Yes [Ya] sekurang-kurangnya ada sikit lah pegangan kita, keyakinan kita tu [itu], cukuplah. Kita dapat membentuk keyakinan tu [itu], awak pergi mana pun awak yakin, "oh benda ni aku buat aku yakin benda ni macam ni". Okey [baiklah], carry on [teruskan].

WNS : Kena biasakan dirilah camtu [begitu].

SY ; haa [tanda setuju] _ _ _ _ _

WNS : kena sentiasa biasakan diri.

SY : Pastu [selepas itu] baru la bermulanya pengetahuan awal tentang agama tadi. Lepas ni [selepas ini] awak nak [hendak] bermula untuk diri awak pula, "apa yang aku dapat daripada cikgu-cikgu ajar ni aku dengar ke aku tak dengar".

WNS & NF : (ketawa)

SY : Jadi baru kita dapat untuk diri kita dalam apa bidang pun, In Syaa Allah [dengan izin Allah] tapi yakinlah semua orang hidup di dunia ni [ini] Allah takdirkan. Bukan kita pandai-pandai nak [memandai hendak] - "aku nak jadi orang perempuang nak jadi orang jantang" tak dok [tidak begitu]. Sebab awak dalam bidang itu, carilah ilmu dibidang itu supaya awak tahu memilih antara mana besok [betul] sebab sekarang masing-masing suasana contoh, macam uncle, uncle sebagai artis itu kerjaya tapi sebagai manusia, uncle kena hidupkan dalam

keluarga, macam mana suasana keluarga yang uncle kena jaga, haaa beri nafkah, memberikan kemudahan, haa itu uncle punya target supaya benda [perkara] itu tak [tidak] dikomen pada kita nanti, barulah rezeki kita tu [itu] mudah, haa salurkan sampai diorang [sehingga mereka] habis belajar, "kau dah besar ha pandai-pandai lah kau", haa ini yang kita kena fikir jalan itu baru kita boleh duduk apa bidang [berada dalam apa bidang] pun.

WNS : Setuju, uncle [Salih Yaacob].

SY : (ketawa) uncle dah belajar sebab uncle dah [sudah] ikut golongan-golongan dakwah ni [ini], banyak perkara yang uncle [Salih Yaacob] dah study [sudah belajar] yang mana patut uncle pilih, bukan turut je [sahaja], tak boleh jadi gitu [tidak boleh jadi begitu].

WNS : Kena tapis dulu [dahulu].

SY : Sebab akhir zaman ni [ini] macam-macam ada.

NF : Betul, macam-macam pelik [berbagai-bagai perkara pelik] ada.

SY : Tahu tak apa [kalau tahu, mujurlah].

WNS & NF : (ketawa)

SY : Jadi awak berkawan dekat tempat awak sekolah tu [itu] pun awak tengok berbagai-bagai jenis perangai manusia yang ada dekat situ, jadi maklum sajalah.

Jadi macam mana kita nak [hendak] menyelamatkan diri kita tu [itu] atas sikap kita lah, orang kata berhati-hati, maknanya betul ke tidak tu [itu] cari dulu [dahulu] punca, cari jawapan dia, jangan main telan je [sahaja], fahe dok [faham ke tidak]?

WNS : Faham.

NF : Selidik dulu [dahulu].

SY : haa selidik dulu [tanda setuju], bongkar dulu [dahulu], uncle [Salih Yaacob] dulu [dahulu] daripada bujang lagi memang uncle [Salih Yaacob] belajar macam tu [begitu], akhir mencari tentang jodoh contohnya, siapa aku akan dijodohkan sebenarnya , meme [memamg] lah perempuan ramai tapi jodoh aku kat [dekat] mana sebenarnya. Itu yang uncle ikut laluan pertama tu [itu], haa lepastu [selepas itu] dah [sudah] peringkat tu [itu] kita masih membawa pegangan tu [itu] dan ilmu tu [itu] lagi.

WNS & NF : (ketawa)

SY : (ketawa) itu sebab anak-anak uncle pun uncle ajar macam tu bidang kau, kau punya kemahuan sebab dia zaman yang uncle dah tua lah senang, uncle ni [ini] dah kira jenis hye-hye bye-bye [tidak kisah] kan tapi diorang [mereka] macam korang ni [awak semua ini] baru-baru lagi nak release [hendak melepas] kan otak ni [ini] macam mana belum jumpa orang luar lagi, awak baru dalam satu bumbung yang ramai majoriti ni [ini] yang awak kena 'orang ke kanan awak ke

kanan, orang ke kiri awak ke kiri'. Esok [masa akan datang], kalau awak dah [sudah] habis ni [ini], 'kalau orang ikut kanan, awak takleh ikut ke kanan dah', awak kena ikut aku belah [sebelah] mana, aku belah mana, itu sebab uncle dulu [dahulu] bukan kerana sijil tu [itu] yang datangkan rezeki aku tapi mungkin ada satu anugerah yang Allah bagi atas apa yang aku cari ni [ini], niat kita tadi untuk mencari jalan yang betul lah kan, nak [hendak] mengikut golongan ke apa benda , uncle ikut je [sahaja] la buat benda tu lah, uncle macam tu [itu] lah jadi macam-macam kita boleh. Satu lagi, pengalaman tu [itu] ilmu tau, pengalaman tu [itu] lah guru kita sebenarnya, bila kita dah [sudah] ada pengalaman, kita dah [sudah] tahu. Jadi kita banyakkan kepada muhasabah diri, tapi [tetapi] jangan awak pergi cabar dia tapi tak [tetapi tidak] ada diri [sedar diri].

WNS & NF : (Ketawa), betul.

**TAMAT BAHAGIAN 7**

## LOG WAWANCARA

Nur Fitriah binti Zulpaidi dan Wan Nur Syahreen binti Wan Ahmad Zaharuddeen telah menemubual Encik Mohd Salih bin Yaacob, yang dilahirkan pada tahun 1961 di Kampung Sungai Besar, Selangor, Malaysia. Temubual ini dijalankan pada 27 November 2021 pada jam 2.00 petang, mengenai mengenai latar belakang, pengalaman, anugerah dan sumbangan beliau dalam bidang industri tanah air.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN PENGENALAN** | | |
| 0:00 | Sesi pengenalan bersama tokoh | • Google Meet<br>• Nur Fitriah binti Zulpaidi<br>• Wan Nur Syahreen binti Zulpaidi |
| | | |
| 0:51 | Sesi pengenalan diri tokoh | • Mohd Salih bin Yaacob<br>• 60 tahun<br>• Kampung Sungai Besar<br>• Berpindah ke Kuala Lumpur |
| 1:20 | Menyatakan bilangan adik-beradik beliau | • Yang ke-8 daripada adik beradik |
| 1:47 | Menceritakan pengalaman beliau sebelum terlibat dalam bidang industri seni | • Kerja kilang<br>• Kerja kapal |
| 5:44 | Menceritakan nama panggilan tokoh | • SY (tahun 1986)<br>• Abang Jem<br>• Mat Aning |
| 6:40 | Kata-kata semangat | • Sentiasa merendah diri |
| **BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG AHLI KELUARGA** | | |
| 8:05 | Menceritakan latar belakang keluarga | • Keluarga petani |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Menanam padi |
| 9:05 | Menceritakan mengenai ibu bapa | • 1961<br>• Duduk dengan keluarga angkat |
| 9:50 | Menceritakan keluarga tokoh | • 1983 (22 tahun)<br>• 3 keluarga<br>• 3 isteri |
| **BAHAGIAN C: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN** | | |
| 10:52 | Menceritakan latar belakang tokoh | • Sekolah Rendah Sri Utama<br>• Sri Bidena<br>• Sekolah Inggeris<br>• 1979 tahun akhir sekolah |
| **BAHAGIAN D: LATAR BELAKANG PILIHAN KERJAYA/KARIER (UMUM)** | | |
| 15:38 | Menceritakan pengalaman beliau | • Penari<br>• Penyanyi<br>• Pelakon<br>• Pelawak<br>• Hos di televisyen<br>• 1985 |
| 17:10 | Menceritakan perbezaan bidang industri tokoh | • Penyampai radio (duduk & bercakap sahaja)<br>• Pelakon (menghayati skrip & hafal skrip)<br>• Melawak (kena pastikan orang gelak)<br>• Penyampai radio (buat suara berbagai-bagai) |
| 23:26 | Mentor tokoh | • Seluruh artis di seluruh dunia |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Malaysia<br>• Indonesia<br>• Hollywood<br>• Bollywood |
| 26:54 | Bayaran yang lumayan | • RM 300 – RM500<br>• Ikut jam pertunjukkan |
| **BAHAGIAN E: LATAR BELAKANG PILIHAN KERJAYA/KARIER (KHUSUS)** | | |
| 31:42 | Penyanyi | • Minat lagu-lagu ketuhanan<br>• Aman Desa<br>• Mat Jais (lagu pertama)<br>• Sebulan (RM 300)<br>• Sehari (RM 10)<br>• Syarikat rakaman offer<br>• 12 lagu dalam satu album<br>• 1985 |
| 43:05 | Pelakon | • 1985<br>• Satu filem dapat RM 1000<br>• Jejaka Perasan (filem pertama)<br>• Mr Os<br>• Keluarga 99 (memberi kesan dalam hidup)<br>• Janda Meletup<br>• Lontong<br>• Episod (berbulan baru habis)<br>• Telemovie (7-8 hari) |
| 50:44 | Pelawak | • Berlakon filem komedi<br>• 1985 |

| | | |
|---|---|---|
| | | • Tempat ketiga<br>• Tempat pertama Sabri Yunus<br>• Depan VIP buat lawak<br>• Kerabar raja-raja<br>• Raja brunei<br>• Konsert Salih Yaacob bersama Ella<br>• Lawak dahulu semulajadi |
| 59:20 | Pengacara | • Ibarat Minggu Ini menjadi hos<br>• 1980<br>• Pernah bergandingan dengan Ogy Ahmad Daud dan ramai lagi<br>• IQ kena tinggi<br>• Banyakkan belajar |
| 1:03:46 | penyampai radio | • 2006<br>• Segmen nombor 1 dalam semua radio<br>• Penamat karier<br>• 2006-2018 bersama Raja Azura dalam radio (13 tahun)<br>• Sinar FM, 6 pagi hingga 10 pagi (siaran pertama)<br>• Pendapatan yang lumayan antara yang lain<br>• Radio paling seronok |
| **BAHAGIAN F: SUMBANGAN/PENCAPAIAN/PENGANUGERAHAN** | | |
| 1:09:43 | Menceritakan sumbangan yang tokoh pernah | • Sumbangan suara |

| | | |
|---|---|---|
| | terima | • Pencapaian dalam negara (pingat)<br>• Anugerah kerabat diraja<br>• Pernah mengedalikan khusus berkaitan penyampaian radio |
| **BAHAGIAN G: NASIHAT/PESANAN/HARAPAN** | | |
| 1:11:51 | Nasihat tokoh | • Kena ada panduan hidup<br>• Pegangan agama<br>• Nasihat<br>• Sampaikan pengalaman sebagai manusia<br>• Artis sebagai role model<br>• Sebagai pelajar, belajar untuk lulus<br>• Asas agama kena ada kalau tidak, kita tidak tahu mana satu batu ataupun permata<br>• Kita akan hidup dan kita akan balik<br>• Keyakinan kena ada<br>• Ilmu<br>• Berhati-hati<br>• Muhasabah diri |
| **BAHAGIAN PENUTUP** | | |
| 1:21:47 | Sesi penutup bersama tokoh | Google Meet |

# INDEKS


**A**

agama............................20, 39, 70, 72, 80
album .... 16, 18, 31, 38, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 70, 78, 93
anak-anak.......................19, 34, 35, 69, 74
anugerah.. 4, 10, 14, 44, 67, 69, 74, 76, 93, 95
artis . 25, 27, 30, 31, 32, 41, 48, 49, 59, 60, 69, 72, 77, 91

**B**

bakat. 10, 12, 16, 19, 21, 29, 47, 56, 69, 95
belajar ... 16, 22, 36, 42, 48, 59, 60, 61, 62, 70, 71, 73, 74, 79, 80, 89
berlakon 13, 16, 25, 26, 34, 46, 48, 54, 55, 67, 94

**C**

Contoh.............................................27, 32
Contohnya.......... 19, 36, 49, 50, 53, 69, 94

**D**

dahulu ... 10, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 24, 25, 26, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 44, 46, 48, 51, 56, 57, 58, 59, 60, 68, 70, 71, 73, 74, 79, 90, 91, 94
dalam... 4, 5, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 20, 25, 26, 28, 30, 32, 33, 34, 35, 37, 40, 42, 43, 44, 45, 47, 48, 49, 52, 56, 58, 59, 60, 61, 62, 64, 66, 67, 69, 71, 72, 74, 76, 78, 79, 83, 88, 90, 91, 92, 93, 94, 95
drama ............................................. 13, 38

**E**

Encik ................... 7, 10, 14, 76, 84, 88, 95

**F**

filem 13, 18, 25, 26, 37, 46, 48, 50, 51, 52, 55, 60, 78, 93, 94

**I**

industri ....4, 10, 11, 12, 13, 14, 16, 30, 34, 35, 56, 66, 68, 69, 76, 77, 90, 91, 93, 95

**J**

juga 4, 5, 10, 11, 12, 15, 16, 20, 21, 23, 28, 29, 33, 36, 41, 46, 47, 68, 69, 71, 83, 88

**K**

kajian.........................................10, 11, 87
kami...5, 10, 21, 59, 83, 84, 86, 88, 90, 91, 92
kampung..................15, 22, 29, 32, 36, 50
karier .................16, 37, 47, 63, 79, 92, 93
keluarga...5, 15, 19, 20, 52, 69, 72, 76, 77, 89
kerja...5, 11, 15, 16, 19, 22, 24, 25, 26, 37, 63, 64, 71
kerjaya 4, 25, 36, 37, 47, 63, 70, 72, 90, 91
konsert.............................................32, 57

**L**

lagu..29, 31, 32, 36, 37, 38, 39, 40, 42, 43, 44, 46, 49, 50, 70, 71, 78, 92, 93

**M**

Malaysia 4, 6, 9, 10, 11, 12, 16, 30, 32, 42, 45, 56, 61, 69, 76, 77, 83, 88, 95
manusia ..........................34, 69, 72, 73, 80
minat..................21, 36, 38, 44, 46, 58, 94

**N**

nama 14, 17, 19, 24, 30, 31, 33, 49, 56, 76, 83, 88, 89
Nasihat..............................................4, 80

negara .................. 4, 13, 32, 66, 70, 79, 95

O

offer .......................... 27, 40, 41, 54, 62, 78
orang . 4, 10, 15, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 34, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 46, 47, 48, 50, 51, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 60, 61, 62, 63, 64, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 77, 83

P

Pelakon ..................................... 52, 77, 78
Pelawak .......................................... 77, 78
peluang ................................ 25, 37, 47, 62
pencapaian ................ 4, 10, 66, 89, 90, 95
Pengacara .................................. 58, 61, 79
pengalaman . 10, 14, 15, 16, 19, 21, 24, 26, 59, 60, 69, 71, 75, 76, 77, 80, 88, 92
penyampai radio.. 9, 15, 26, 27, 28, 62, 63, 64, 68, 79, 88, 90, 91, 94
Penyanyi .................................... 9, 77, 78
persembahan ........... 13, 16, 33, 40, 48, 58
pertama . 20, 38, 40, 42, 43, 47, 48, 50, 51, 56, 59, 63, 74, 78, 79, 92, 93, 94
pertandingan ....................... 21, 56, 57, 94
pingat ............................................. 10, 79

R

rezeki...... 15, 34, 35, 47, 48, 52, 62, 72, 74

S

sejarah ............................. 4, 10, 48, 88, 95
sekolah .. 15, 19, 21, 22, 23, 63, 71, 73, 77, 89
seni ....4, 10, 11, 12, 13, 15, 16, 25, 34, 35, 49, 66, 68, 69, 71, 76, 88, 90, 95
seniman ......................... 10, 11, 13, 83, 86
show ......................... 32, 33, 41, 42, 56, 62

T

tahun..9, 10, 15, 16, 17, 19, 20, 23, 25, 28, 31, 42, 44, 45, 52, 56, 59, 63, 70, 71, 76, 77, 79, 90, 92, 93, 94
temubual ................................ 4, 13, 14, 95
tengok.... 17, 25, 26, 27, 29, 30, 32, 34, 38, 39, 40, 43, 46, 48, 50, 51, 52, 53, 59, 60, 73
tokoh....4, 5, 10, 13, 39, 43, 76, 77, 79, 80, 83, 84, 85, 86, 88
tugasan ....................... 5, 10, 84, 85, 86, 87
tv 15, 25, 26

U

uncle 14, 15, 16, 17, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 66, 67, 69, 70, 72, 73, 74

W

warisan ....................................... 4, 10, 83

Z

zaman .... 16, 17, 19, 22, 24, 28, 29, 32, 33, 34, 39, 41, 44, 47, 49, 70, 73, 74, 89

# BIBLIOGRAFI


Astro Awani. (2021). *"Industri hiburan negara sedang sakit."* Astroawani.com. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/industri-hiburan-negara-sedang-sakitafdlin-shauki-296723

Barrett, T. (2000). Studies invited lecture: About art interpretation for art education. *Studies in arteducation*, *42*(1), 5-19. http://terrybarrettosu.com/wp-content/uploads/2017/08/Barrett-2000- About-Art-Interpretation-for-Art-Education.pdf

Bloom, D. (2020, May 21). Pandemic, Downturn To Cost Entertainment Industry $160 Billion In Growth Over 5 Years. *Forbes*. https://www.forbes.com/sites/dbloom/2020/05/21/entertainment-industry-160-billionlost-growth-ampere-theaters-advertising-streaming/?sh=446edda57d95

*Dewan Bahasa dan Pustaka*. (2017). Dbp.gov.my. https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=seniman

Dictionary. (2021). *SENIMAN - Definition and synonyms of seniman in the Malay dictionary*. Educalingo.com. https://educalingo.com/en/dic-ms/seniman

*Entertainment Industry | Encyclopedia.com*. (2018). Encyclopedia.com. https://www.encyclopedia.com/social-sciences-and-law/economics-business-andlabor/businesses-and-occupations/entertainment-industry

Epstein, A. (2020, March 9). *Coronavirus is pushing an already vulnerable film industry closer to the edge*. Yahoo.com; Yahoo Finance. https://finance.yahoo.com/news/coronaviruspushing-already-vulnerable-film-155624998.html?guccounter=1&guce_referrer=aHR0cHM6Ly93d3cuZ29vZ2xlLmNvbS8&guce_referrer_sig=AQAAAH2ZLInteL_ecC6hq5BC4fbfwuyKXKCkTPHgFhrLde0mIE5EIPy4veogTAnm2ICzMJ56pF94S9dNWRl9WIlaeUAUzNQ6HN5357KYeU

pl7GqaSZ_viXM3A1_oV0GT-QDQVk0K5qu4jIM3brP2tuvUsfDfrUq15R-kyHMv3cerLvb

Kamal Yusoff. (2012). *Kualiti Kehidupan Berkerja (Kkb) Secara Ringkas*. Blogspot.com. https://mdkamalyusoff.blogspot.com/2012/06/kualiti-kehidupan-berkerja-kkbsecara.html

Mohamad Kamal. (2016). Kritikan Seni Dari Perspektif Sosio Budaya Di Malaysia. http://studentsrepo.um.edu.my/6733/1/kamal.pdf

Mohamad Letfee Ahmad. (2021, March 22). *ULASAN | Pertubuhan filem pelonjak industri kreatif negara*. Malaysiakini; Malaysiakini. https://www.malaysiakini.com/hiburan/567557

Moon, S. (2020). Effects of COVID-19 on the Entertainment Industry. *IDOSR JOURNAL of EXPERIMENTAL SCIENCES*, *5*(1), 8–12. https://www.idosr.org/wp-content/uploads/2020/04/IDOSR-JES-51-8-12-2020.-P2.pdf

Nurul Fadila Awaludin. (2020, December 19). *Datuk Ahmad Tamimi Siregar nasihatkan pelakon baharu jangan kayu*. Kosmo Digital. https://www.kosmo.com.my/2020/12/19/datuk-ahmad-tamimi-siregar-nasihatkanpelakon-baharu-jangan-kayu/

PeoplePill. (2015). *People Pill*. Peoplepill.com; PeoplePill. https://peoplepill.com/people/salihyaacob

Seow Han Lin. (2020, July 14). *Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah ?* ResearchGate; unknown. https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah

Suhaimi Magi, Jabil Mapjabil, Baharuddin Mohd Arus, & Min, M. (2020, October 25). *Impak, Cabaran Dan Inisiatif Penggiat Seni Persembahan Sepanjang Tempoh Pandemik Covid-19 (Impact...* ResearchGate; unknown.

https://www.researchgate.net/publication/346438196_Impak_Cabaran_Dan_Inisiatif_Penggiat_Seni_Persembahan_Sepanjang_Tempoh_Pandemik_Covid-19_Impact_Challenges_and_Initiative_Performing_Art_Activist_During_the_Period_of _COVID-19_Pandemic

Suryati, W., & Ahmad, W. (2012). *Pengaruh Sikap Dan Demografi Ke Atas Produktiviti Kerja Pensyarah Muslim: Kajian Di Universiti Malaya.* Undefined; https://www.semanticscholar.org/paper/PENGARUH-SIKAP-DAN-DEMOGRAFI-KE-ATAS-PRODUKTIVITI-Suryati-Ahmad/f6495d1b4d954916f9c53ebee05e652506422351

Syed, Mohd Fawazie Arshad, Tahir, A., Omar, A., & Noor Enfendi Desa. (2021). Seniman Visual Malaysia: Kepuasan Kerja, Komitmen Dan Produktiviti Dalam Proses Penghasilan Karya: Malaysian Visual Artists: Job Satisfication Commitment And Productivity During The Production Process. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 33–48. file:///C:/Users/HP/Downloads/3574-Article%20Text-13136-1-10-20211215.pdf

*The History Press | Entertainment history.* (2021). Thehistorypress.co.uk. https://www.thehistorypress.co.uk/entertainment-history/?p=1&ps=9

Umar Chusaeni. (2020). *Seniman Harus Miliki Ciri Khas Dan Percaya Diri.* Beritamagelang.id. http://beritamagelang.id/seniman-harus-miliki-ciri-khas-dan-percaya-diri

Zyzamani. (2021). *Salih Yaacob Terkilan Tak Pernah Genggam Anugerah - Gosip Tempatan - Gosip - Forum - CARI Infonet - Powered by Discuz!* CARI Infonet; CARI Infonet. https://bn3.cari.com.my/forum.php?mod=viewthread&tid=517792

# LAMPIRAN

## SURAT PERSETUJUAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Mohd Salih Bin Yaccob K/P: 611125-10-5977 pada 15 Februari 2022 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
   a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Nama peserta kajian:
Mohd Salih Bin Yacoob
Tarikh: 15/2/2022

Pensyarah: Nor kamariah Bt Chik
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

## SENARAI SOALAN

### BAHAGIAN PENGENALAN:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni tanah air. Bersama-sama kami ialah Encik Salih bin Yaacob atau dikenali sebagai SY yang merupakan seorang pelakon, pelawak, penyanyi, penyampai radio dan pengacara Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 27 November 2021 bersamaan dengan Sabtu pada pukul 2.00 petang. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Fitriah Binti Zulpaidi dan juga Wan Nur Syahreen Binti Wan Ahmad Zaharuddeen.

### BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG DIRI

**1.1 Bolehkah Uncle menceritakan sedikit sebanyak mengenai latar belakang Uncle?**

1. Apakah nama penuh/nama sebenar Uncle?
2. Berapakah umur Uncle sekarang?
3. Bilakah dan dimanakah Uncle dilahirkan?
4. Dimanakah Uncle dibesarkan?
5. Dimanakah tempat yang Uncle menetap sekarang?
6. Berapakah bilangan adik beradik Uncle dan Uncle anak yang ke berapa?
7. Apakah hobi yang Uncle lakukan pada masa lapang?
8. Dari mana wujudnya nama panggilan 'SY'?
9. Apakah kata-kata semangat yang masih Uncle ingat sehingga sekarang?
10. Siapakah Uncle sekarang jika Uncle bukan seorang penyanyi, pelawak, pengacara radio atau pelakon?
11. Adakah adik- beradik Uncle yang lain juga seorang penggiat seni tanah air?

**BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG AHLI KELUARGA**

**2.1 Seterusnya, saya akan bertanya mengenai latar belakang keluarga Uncle. Boleh Uncle ceritakan serba sedikit tentang latar belakang keluarga Uncle?**

12. Siapakah nama ibu dan bapa Uncle?
13. Berapakah usia mereka sekarang?
14. Dari mana ibu bapa Uncle berasal?
15. Apakah pekerjaan ibu bapa Uncle sebelum dan sekarang ini?
16. Siapakah nama isteri Uncle?
17. Bilakah Uncle mula mendirikan rumah tangga?
18. Berapakah bilangan anak Uncle?

**BAHAGIAN C: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

**3.1 Sekarang kita akan masuk ke bahagian Pendidikan pula, bolehkah Uncle ceritakan serba sedikit tentang zaman kegemilangan sewaktu Uncle belajar?**

**3.1.1 Sekolah Rendah**

19. Di manakah Uncle menerima pendidikan sekolah rendah?
20. Tahun terakhir Uncle menerima pendidikan sekolah rendah?
21. Adakah Uncle pernah memegang apa-apa jawatan sewaktu di sekolah rendah?

**3.1.2 Sekolah Menengah**

22. Di manakah Uncle menerima pendidikan sekolah menengah?
23. Tahun terakhir Uncle menerima pendidikan sekolah menengah?
24. Jawatan yang Uncle pegang semasa di sekolah menengah? (jika ada)
25. Apakah pencapaian tertinggi Uncle semasa berada di sekolah menengah?

### 3.1.3 Peringkat Tertinggi

26. Dimanakah Uncle melanjutkan pelajaran di peringat universiti?
27. Apakah jurusan yang Uncle ambil pada masa itu?
28. Apakah pencapaian yang boleh Uncle banggakan sewaktu di universiti?
29. Pernahkah Uncle melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti kelab/persatuan sewaktu di universiti dahulu?
30. Pada tahun bilakah Uncle menamatkan pengajian?
31. Apakah yang Uncle lakukan selepas tamat pengajian? Adakah Uncle bekerja?
32. Apakah pekerjaan awal Uncle setelah tamat pengajian? (jika ada)

## BAHAGIAN D: LATAR BELAKANG PILIHAN KERJAYA/KARIER (UMUM)

**4.1 Seterusnya, kami akan bertanyakan kepada Uncle tentang pilihan kerjaya Uncle. Bolehkah Uncle berkongsi sedikit bersama kami?**

33. Bagaimana Uncle boleh terlibat dalam bidang seni tanah air?
34. Boleh kami tahu, siapakah yang bertanggungjawab membawa diri Uncle dalam bidang nyanyian, pelawak, penyampai radio dan lakonan serta pengacaraan?
35. Pada pendapat Uncle, apakah perbezaan antara pelakon, penyanyi, pelawak, pengacara, dan penyampai radio?
36. Antara dunia lakonan, nyanyian, pelawak, penyampai radio dan pengacara, apakah yang akan Uncle syorkan untuk golongan baru yang ingin menceburi bidang ini?

**4.2 Sepanjang Uncle melibatkan diri dalam industri seni tanah air ini, adakah Uncle mempunyai mentor?**

37. Siapakah mentor Uncle?
38. Bagaimanakah Uncle boleh mengenali beliau?
39. Apakah yang Uncle pelajari sepanjang berguru dengan beliau?

40. Berapa lamakah Uncle menuntut ilmu dengan beliau?

41. Bolehkah Uncle gambarkan bagaimana hubungan Uncle dengan beliau?

**4.3 Pada pendapat Uncle, apakah perbezaan artis dahulu dan sekarang? Dan bolehkah Uncle kongsikan apakah sebabnya?**

42. Bagaimana pula dengan bayaran yang diterima, yang mana lagi lumayan? Adakah penyanyi, pelakon, pelawak, penyampai radio, atau pengacara?

43. Seterusnya, apakah perbezaan bayaran dahulu dengan sekarang?

**4.4 Bagaimana Uncle menyesuaikan diri dalam melakukan pekerjaan sewaktu pandemik ini? Adakah Uncle selesa dengan keadaan sekarang? Mengapa?**

44. Boleh kami tahu, apakah kesan pandemik terhadap kerjaya Uncle sekarang?

45. Adakah Uncle mempunyai punca pencarian lain selain kegiatan dalam industri hiburan?

46. Bagaimanakah tercetusnya idea itu? (jika ada)

47. Apakah perkembangan bisnes tersebut sekarang? (jika ada)

48. Bagaimanakah suasana kehidupan Uncle sepanjang Uncle melibatkan diri dalam bidang ini?

**BAHAGIAN E: LATAR BELAKANG PILIHAN KERJAYA/KARIER (KHUSUS)**

**NYANYIAN**

5.1 Boleh Uncle kongsikan, pada tahun bilakah Uncle mula berkecimpung dalam bidang nyanyian ini?

**5.1.1 Langkah pertama karier nyanyian**

49. Bagaimanakah Uncle mula terlibat dalam nyanyian ini?

50. Pada awal karier Uncle, bagaimanakah Uncle menguruskan karier dan kehidupan peribadi?

51. Apakah liku-liku awal yang Uncle hadapi apabila mula menyanyi?

**5.1.2 Boleh Uncle ceritakan sedikit tentang seseorang yang Uncle anggap sebagai inspirasi dalam bidang nyanyian?**

52. Siapakah idola tersebut?
53. Mengapakah Uncle memlilih beliau sebagai idola?
54. Bagaimanakah beliau memberi inspirasi kepada Uncle?

**5.1.3 Lagu pertama**

55. Apakah tajuk pertama lagu yang telah Uncle persembahkan di pentas?
56. Di mana?
57. Bagaimana pula dengan penerimaan masyarakat pada masa itu?
58. Boleh kami tahu, apakah pengalaman sewaktu penghasilan lagu tersebut?
59. Boleh Uncle kongsikan, berapakah bayaran yang diterima ketika itu?

**5.1.4 Apakah syarikat rakaman pertama yang mengambil Uncle sebagai salah seorang penyanyi di bawah syarikat rakaman tersebut?**

60. Siapakah yang menguruskan syarikat rakaman tersebut?
61. Bagaimanakah Uncle memutuskan untuk menyertai syarikat rakaman tersebut?

**5.1.5 Boleh Uncle ceritakan sedikit mengenai album pertama?**

62. Berapa banyak lagu yang terdapat dalam satu album?
63. Pada tahun bilakah album tersebut dihasilkan?
64. Berapa banyakkah kos yang dikeluarkan untuk penghasilan album tersebut?
65. Apakah lagu yang paling Uncle gemari dalam album tersebut?

**5.1.6 Bagaimana perkembangan Uncle sekarang?**

66. Adakah Uncle masih menghasilkan lagu-lagu baru atau album baru?
67. Apakah anugerah yang pernah Uncle perolehi sepanjang menceburi bidang nyanyian?

68. Antara anugerah-anugerah tersebut, yang manakah anugerah yang memberi impak/kesan mendalam dalam diri Uncle sehingga kini?

**LAKONAN**

**5.2 Boleh Uncle kongsikan, pada tahun bilakah Uncle mula menceburi bidang lakonan?**

**5.2.1 Permulaan baru Uncle menjejakkan kaki didalam dunia lakonan**

69. Apakah yang membuatkan Uncle mula meminati bidang lakonan?
70. Apakah perasaan Uncle apabila dipanggil/dipilih untuk melakonkan watak pertama dalam karier lakonan Uncle?
71. Bagaimanakah Uncle mengendalikan perasaan gugup/takut apabila memulakan buku baru sebagai pelakon tanah air?

**5.2.2 Filem pertama dalam karier industri lakonan**

72. Apakah filem pertama lakonan Uncle apabila mula memasuki alam lakonan ini?
73. Pada tahun bilakah filem itu ditayangkan?
74. Bagaimana sambutan para penonton melihat debut pertama Uncle dalam sebuah filem?
75. Apakah perasaan Uncle apabila mendapat sambutan sebegitu?

**5.2.3 Selepas debut filem pertama**

76. Adakah Uncle menerima tawaran dari syarikat -syarikat perfileman lain?
77. Filem apakah yang Uncle rasa paling memberi kesan dalam hidup Uncle?
78. Pernahkah Uncle mengalami sebarang masalah semasa mendapat watak? Contohnya Uncle tidak menyukai watak yang ditawarkan?
79. Adakah Uncle masih menerima tawaran lakonan sekarang?

**PELAWAK**

**5.3 Boleh Uncle kongsikan, bagaimana Uncle digelar sebagai seorang pelawak?**

80. Bagaimanakah Uncle boleh melibatkan diri dalam dunia lawak?
81. Adakah Uncle pernah menyertai pertandingan lawak?
82. Adakah sukar bagi Uncle untuk membuat lawak atau menghasilkan konten yang lawak?
83. Pada pendapat Uncle, apakah perbezaan pelawak dahulu dan pelawak sekarang?

**PENGACARA**

**5.4 Bagaimana tercetusnya minat Uncle untuk menjadi seorang pengacara?**

84. Rancangan TV pertama Uncle sebagai pengacara?
85. Dengan siapakah Uncle bergandingan semasa kali pertama mengacara?
86. Bagi Uncle, apakah ciri-ciri yang menepati kriteria seorang pengacara?

**PENYAMPAI RADIO**

**5.5 Bagaimanakah Uncle ditawarkan menjadi seorang penyampai radio?**

87. Pada tahun berapakah Uncle mula menjadi penyampai radio?
88. Siaran radio pertama Uncle sebagai penyampai?
89. Pendapatan Uncle sebagai penyampai radio? Adakah pendapatan sebagai penyampai radio agak lumayan sama seperti berlakon dan bernyanyi?
90. Antara penyanyi, pelakon, pelawak, pengacara, dan penyampai radio, yang mana Uncle rasa memberi impak besar dalam hidup Uncle?

**BAHAGIAN F: SUMBANGAN/PENCAPAIAN/PENGANUGERAHAN**

**6.1 Jika tidak keberatan, apakah sumbangan yang boleh Uncle kongsikan sepanjang berada dalam industri seni?**

91. Sepanjang penglibatan, apakah pencapaian yang Uncle terima di dalam negara?
92. Apakah pencapaian yang Uncle terima dari luar negara?
93. Adakah Uncle menerima apa-apa anugerah sepanjang berkhidmat?

94. Pernahkan Uncle dijemput untuk mengendalikan kursus atau ceramah mengenai industri seni?

**BAHAGIAN G: NASIHAT/ PESANAN/ HARAPAN**

**7.1 Sesi soalan terakhir kita, tentang nasihat atau pesanan Uncle kepada generasi yang baru-baru ingin mencuba mengembangkan bakat dalam industri seni Malaysia.**

95. Apakah harapan Uncle kepada industri hiburan pada masa akan datang?

**BAHAGIAN PENUTUP:**

Dengan itu, tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang seni tanah air bersama Encik Salih bin Yaacob. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu tentang industri seni tanah air dan dapat berkhidmat kepada negara pada masa akan datang. Sekian, Terima Kasih.

**DIARY KAJIAN**

| TARIKH | MASA/ LOKASI | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 14 Oktober 2021<br><br>Khamis | 1400 - 1600 Telegram | • Kami mendapat penerangan mengenai seniman yang perlu dipilih (must be veteran) daripada Puan Nor Kamariah.<br>• Beliau juga menyatakan berapa orang ahli dalam satu kumpulan dan kami segera mencarinya.<br>• Kami juga diberitahu bahawa sesi temu bual boleh dijalankan melalui lisan mahupun secara online<br>• Tema yang ditetapkan adalah warisan atau seniman di Malaysia. | Catatan awal dilakukan untuk proses pencarian ahli kumpulan. |
| 02 November 2021<br><br>Selasa | 1400 - 1600 Google Meet | • Mendengar taklimat projek bersama Puan Nor Kamariah secara terperinci. | Mencatat perkara yang penting |
| 07 November 2021<br><br>Ahad | 1400 - 1600 Telegram | • Taklimat mengenai persiapan awal (preliminary preparation) telah diberikan oleh Puan Nor Kamariah. | Membuat persiapan awal bagi sesi temu bual nanti |
| 08 | 0800 - | • Menyenaraikan pilihan tokoh- | Mencatat senarai nama- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| November 2021<br><br>Isnin | 0900 WhatsApp | tokoh yang hendak ditemu bual bersama ahli kumpulan. | nama tokoh |
| 09 November 2021<br><br>Selasa | 1000 - 1100 WhatsApp & Instagram | • Menghubungi tokoh- tokoh yang telah disenaraikan bagi mendapatkan kepastian tentang temu bual tersebut. | Menhubungi tokoh-tokoh melalui Instagram |
| 10 November 2021<br><br>Rabu | 0800 - 1000 WhatsApp & Panggilan telefon | • Hasil daripada perbincangan, kami telah memilih Encik Salih Bin Yaacob atau dikenali sebagai SY untuk menjadi tokoh kami.<br>• Kami menghubungi Encik Salih untuk menceritakan secara terperinci tentang tugasan ini dan beliau bersetuju untuk ditemu bual | Berbincang, memilih dan hubungi tokoh yang dipilih |
| 11 November 2021<br><br>Khamis | 2100-2300 Google Docs & Google Meet | • Kami menyiapkan preliminary preparation yang diberikan oleh Puan Nor Kamariah<br>• Berbincang dengan ahli kumpulan bagi pemilihan tema, pemilihan tokoh dan kerangka soalan yang akan ditujukan kepada tokoh nanti. | Menyiapkan tugasan dan berbincang dengan ahli kumpulan |
| 13 November 2021 | 2000 - 2300 Google Docs & | • Kami menyiapkan abstrak bersama ahli kumpulan | Menyiapkan bersama ahli kumpulan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Sabtu | Google Meet | | |
| 14 November 2021<br><br>Ahad | 2000 - 2300 Google Docs & Google Meet | • Kami menyiapkan proposal yang diberikan oleh Puan Nor Kamariah | Menyiapkan bersama ahli kumpulan |
| 15 November 2021<br><br>Khamis | 1000 - 1300 Google Meet | • Kami mencari bahan rujukan di internet dan laman sesawang seperti Arkib Negara (OFA), Online Database, Research Gate dan Google bagi melengkapkan tinjaun literatur. | Mencari maklumat sehingga jumpa |
| 22 November 2021<br><br>Isnin | 2000 - 2030 Google Classroom | • Kami menghantar abstrak, proposal & preliminary preparation. | Hantar tugasan yang diminta |
| 23 November 2021<br><br>Selasa | 1400 – 2000 Google Meet & WhatsApp | • Kami menyiapkan kerangka soalan untuk diberi kepada tokoh sebelum ditemu bual.<br>• Menentukan tarikh dan masa temu bual bersama tokoh. | Bincang bersama ahli kumpulan |
| 24 November 2021<br><br>Rabu | 1400 – 1430 WhatsApp | • Kami menghantar kerangka soalan kepada tokoh sebagai panduan. | Hantar bentuk soalan |
| 25 November 2021<br><br>Rabu | 2100 – 2300 Google Meet | • Kami memeriksa dan mencuba peralatan sebelum temu bual seperti rangkaian internet dan | Periksa dan cuba peralatan temu bual |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | laptop. | |
| 26 November 2021<br>Rabu | 2100 – 2300 Google Meet | • Kami membuat persediaan awal sebelum sesi temu bual bersama tokoh dijalankan seperti peralatan yang akan digunakan seperti internet dan laptop dan. | Mencuba Google Meet samada berfungsi atau tidak |
| 27 November 2021<br>Rabu | 1400 – 1530 Google Meet | • Sesi temu bual bersama tokoh seniman dijalankan. | Bertanyakan soalan yang ingin diketahui |
| 02 December 2021<br>Khamis | 1400 - 1600 Google Classroom | • Menghantar kerangka soalan yang telah lengkap. | Hantar tugasan pada tarikh yang ditetapkan |
| 09 December 2021<br>Khamis | 1400 - 1700 Google Classroom | • Kami mengemaskini maklumat yang diminta oleh Puan Nor Kamariah seperti tarikh, masa, proses persiapan transkrip dan cabaran yang dihadapi oleh kami. | Kemaskini maklumat |
| 13 Januari 2022<br>Khamis | 1400 - 1700 Google Classroom | • Kami perlu mengemaskini maklumat yang diminta oleh Puan Nor Kamariah seperti perkara yang perlu diambil sebagai langkah berjaga- jaga & pengajaran yang dapat semasa menemu bual tokoh. | Kemaskini maklumat |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 15 Januari 2022<br><br>Sabtu | 2100 - 2300 Google Docs & Google Meet | • Kami menyiapkan artikel bersama ahli kumpulan. | Menyiapkan bersama ahli kumpulan |
| 20 Januari 2022<br><br>Khamis | 1400 - 1600 Telegram | • Puan Nor Kamariah mengadakan perbincangan bersama kelas mengenai tugasan yang diberikan seperti transkrip, diari kajian, dan artikel. | Bincang tugasan |
| 27 Januari 2022<br><br>Khamis | 1400 - 1600 Google Docs & Google Meet | • Kami menyiapkan transkrip bersama ahli kumpulan. | Menyiapkan bersama ahli kumpulan |
| 02 Februari 2022<br><br>Rabu | 1400 - 1700 Google Docs & Google Meet | • Kami menyiapkan diari kajian bersama ahli kumpulan. | Menyiapkan bersama ahli kumpulan |
| 10 Februari 2022<br><br>Khamis | 2000 - 2030 Google Classroom | • Kami menghantar artikel, diari kajian, medium dan keperluan rakaman serta transkrip. | Hantar tugasan yang diminta |
| 14 Februari 2022<br><br>Isnin | 2100 - 2300 Google Meet | • Kami menyiapkan transkrip yang lengkap bersama ahli kumpulan sebelum dihantar kepada pensyarah. | Menyiapkan bersama ahli kumpulan |
| 28 Februari 2022 | 2000 - 2030 | • Kami menghantar transkrip | Hantar transkrip |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Isnin | Google Classroom | yang lengkap kepada pensyarah mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan. | |

## LAMPIRAN GAMBAR



Gambar 1: Ketika ditemu ramah Utusan Malaysia



Gambar 2: Bersama Raja Azura dikonti radio Sinar FM



Gambar 3: Bersama 3 orang isteri dan anak-anak